

9

Perkembangan Dalam Sistem Kewangan

Dasar Kewangan

Matlamat keseluruhan dasar kewangan dalam tahun 1996 adalah bagi memastikan kestabilan harga memandangkan hanya dalam suasana harga yang stabil sahaja maka proses pertumbuhan akan berterusan. Unsur utama dasar ini juga adalah bagi memastikan kestabilan pasaran wang tempatan dan pasaran pertukaran asing supaya satu suasana yang bersesuaian dan stabil dapat diwujudkan bagi sektor swasta. Ia juga akan turut membantu langkah-langkah dasar kewangan mencapai matlamat-matlamat jangka sederhana dan panjang. Dalam hal ini, teras dasar kewangan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 terus ditumpukan kepada pengurusan lebihan kecairan bagi memastikan tekanan inflasi yang berpunca daripada lebihan permintaan tidak akan menjadi sumber ketidakstabilan yang dapat menggugat proses pertumbuhan.

Bagi merangka strategi dasar kewangan dalam tempoh ini, pertimbangan diberi kepada beberapa isu, khasnya pengembangan kredit dan kewangan yang kukuh, dalam suasana yang mengalami tekanan inflasi yang semakin meningkat. Dalam tempoh empat bulan pertama tahun 1996, pertumbuhan kewangan masih tinggi, dengan pertumbuhan tahunan agregat kewangan yang lebih luas, M3, meningkat kepada 27% pada akhir bulan April daripada 22.3% pada akhir tahun 1995. Kadar M3 yang tinggi ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan pemberian pinjaman kepada sektor swasta. Pertumbuhan tahunan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan terus meningkat untuk mencapai paras tertinggi pada kadar 30.1% pada akhir bulan April (28.6% pada akhir tahun 1995). Daripada peningkatan pinjaman ini, lebih daripada separuh disalurkan kepada sektor-sektor ekonomi yang kurang produktif, iaitu sektor harta benda secara meluas,

sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta bagi tujuan penggunaan. Sekiranya trend ini tidak diawasi, ia akan mewujudkan inflasi harga aset, terutamanya dalam sektor hartanah, meningkatkan lebihan permintaan yang akan memberi kesan ke atas tekanan inflasi dan mempengaruhi proses pertumbuhan masa hadapan memandangkan dana yang tersedia untuk sektor-sektor produktif akan berkurangan. Berdasarkan kepada perkembangan ini serta komitmen Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mencapai kestabilan harga, dasar kewangan telah diperketatkan lagi dalam tempoh suku pertama tahun 1996 dan sekali lagi dalam tempoh suku kedua, yang telah menyebabkan peningkatan kadar faedah. Tambahan pula, institusi perbankan tidak digalakkan untuk memberi pinjaman yang keterlaluan kepada aktiviti-aktiviti kurang produktif.

BNM telah menguruskan keadaan kecairan secara aktif melalui kombinasi instrumen-instrumen langsung dan tidak langsung. Ini termasuklah penerimaan deposit dalam pasaran antara bank, pemusatan dana berlebihan Kerajaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan BNM serta keperluan rizab berkanun (SRR). Dalam tempoh kajian, SRR institusi perbankan telah dinaikkan dua kali sebanyak satu mata peratusan setiap sekali, iaitu daripada 11.5% kepada 12.5% berkuatkuasa 1 Februari dan kepada 13.5% mulai 1 Jun, menggambarkan komitmen berterusan BNM dalam membendung kadar pengembangan kredit dan kewangan dan seterusnya tekanan inflasi. Peningkatan SRR telah menyerap sebanyak RM5.4 bilion.

Sebagai menyokong operasi kecairan BNM ini, kadar faedah telah meningkat dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 akibat pengetatan kewangan. Kadar faedah yang tinggi ini dapat dilihat daripada kadar antara bank bagi tempoh

matang 3-bulan yang meningkat daripada 6.76% pada akhir bulan Disember 1995 kepada 7.33% pada akhir bulan Ogos 1996. Begitu juga dengan kadar deposit dan kadar pemberian pinjaman institusi perbankan yang telah meningkat. Kadar deposit yang tinggi ini membantu menggalakkan tabungan dan memastikan trend kadar tabungan negara yang tinggi dikekalkan. Dalam pasaran pertukaran asing, penentuan kadar pertukaran ringgit dibiarkan kepada kuasa pasaran, dengan operasi campurtangan hanya diambil terutamanya bagi menghapuskan pengaruh-pengaruh ketidakstabilan supaya mencapai satu trend yang stabil. Dengan ini, kadar pertukaran mencerminkan asas-asas ekonomi negara. Dalam tempoh lapan bulan pertama, nilai ringgit meningkat berbanding dengan kesemua mata wang utama. Nilai ringgit mengukuh sebanyak 7.3% berbanding dengan yen Jepun, 1.8% berbanding dengan dolar AS dan 1.3% berbanding dengan dolar Singapura.

Langkah-langkah kewangan yang dinyatakan di atas serta langkah-langkah kredit yang dilaksanakan dalam bulan Oktober 1995 ke atas pembiayaan sewa-beli dan kredit kepada sektor hartanah telah membantu menyederhanakan pertumbuhan kredit dan penawaran wang. Pertumbuhan tahunan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan menyederhana daripada 30.1% pada akhir bulan April kepada 27.5% pada akhir bulan Ogos, manakala pertumbuhan tahunan M3 memperlahan daripada 27% kepada 21.8% dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, berikutan daripada risiko tekanan permintaan bagi tempoh selanjutnya tahun 1996, teras dasar kawalan kewangan pada masa kini akan dikekalkan. Dasar kewangan akan terus memberi keutamaan kepada pengurusan lebihan kecairan yang sedia wujud bagi memastikan permintaan berlebihan tidak akan memburukkan lagi tekanan inflasi. BNM akan mengawasi secara rapi pertumbuhan kredit dan kewangan, khasnya pemberian pinjaman kepada aktiviti-aktiviti yang kurang produktif. Di samping memastikan dana digunakan dengan berkesan, dasar ini juga akan menjurus ke arah menggerakkan tabungan secara berkesan. Satu lagi perkembangan utama adalah pembangunan infrastruktur kewangan sebagai sebahagian daripada komitmen BNM untuk memperdalam dan memperluaskan sektor kewangan serta mempertingkatkan keberkesanan penyaluran dasar kewangan.

Walaupun bagaimanapun, adalah diakui bahawa dasar kewangan hanya dapat menangani tekanan inflasi yang berpunca daripada lebihan permintaan.

Oleh itu, dasar kewangan ini akan diperkukuh dengan dasar-dasar makroekonomi yang lain bagi menangani tekanan inflasi yang berpunca daripada kekurangan penawaran dan sistem pengedaran yang kurang cekap. Dalam hal ini, dasar penawaran serta dasar bagi mempertingkatkan kecekapan akan dilaksana dan diselaraskan.

Penawaran Wang

Pertumbuhan penawaran wang dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 menggambarkan kesan pengetatan kewangan BNM yang berterusan. Selepas meningkat dalam tempoh empat bulan pertama tahun 1996, pertumbuhan tahunan kesemua agregat kewangan, iaitu M1, M2 dan M3, memperlahan dalam bulan-bulan berikutnya. Sehingga akhir bulan Ogos, kadar pertumbuhan tahunan M1 dan M3 berada pada tahap yang lebih kurang sama dengan paras akhir tahun 1995, manakala pertumbuhan M2 berada di bawah paras akhir tahun 1995. Pengembangan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pemberian pinjaman kepada sektor swasta.

Wang secara kecil, M1, yang didefinisikan meliputi mata wang dalam edaran dan deposit semasa sektor swasta mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 7% dalam tempoh lapan bulan pertama (6.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Kadar M1 yang tinggi ini mencerminkan permintaan berterusan bagi baki urusniaga kedua-dua deposit semasa dan mata wang dalam edaran, sejajar dengan aktiviti ekonomi yang berkekalan. Sementara deposit semasa meningkat sebanyak 7.3%, iaitu menyamai kadar dalam tempoh yang sama tahun 1995, mata wang dalam edaran pula meningkat sebanyak 6.3% (peningkatan sebanyak 3.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Pada asas tahunan, pertumbuhan M1 meningkat daripada 11.7% pada akhir tahun 1995 kepada 17% pada akhir bulan April 1996, iaitu sebelum ia menyederhana kepada 12.7% pada akhir bulan Ogos.

Pertumbuhan wang secara luas, M2, yang merangkumi M1 dan separa wang secara kecil (meliputi pegangan deposit tetap dan tabungan sektor swasta dengan bank perdagangan dan BNM, instrumen deposit boleh niaga (IDB) bersih dan perjanjian pembelian semula (repo)), meningkat secara perlahan sebanyak 10.5% (14.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Peningkatan secara perlahan ini sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan perlahan separa wang secara


relatifnya iaitu sebanyak 11.7% (Januari-Ogos 1995 : 17.6%), mencerminkan terutamanya peningkatan kecil yang ketara dalam IDB dan repo sebanyak RM1.2 bilion atau 4.3% (RM4.4 bilion atau 22.6% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Pertumbuhan deposit tabungan adalah lebih tinggi iaitu pada kadar 4.4%, manakala deposit tetap meningkat pada tahap yang perlahan sebanyak 15.6% (masing-masing sebanyak 2.1% dan 20.9% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Walaupun kadar pertumbuhan deposit tetap adalah perlahan, ia masih kekal sebagai penyumbang utama kepada peningkatan dalam separa wang (87.2%), diikuti oleh repo (10.6%) dan deposit tabungan (6%), manakala IDB mencatatkan pembayaran bersih (-3.8%). Pada asas tahunan, selepas meningkat kepada 27.9% pada akhir bulan April 1996 (akhir tahun 1995 : 24%), pertumbuhan M2 menjadi perlahan kepada 19.9% pada akhir bulan Ogos.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, agregat kewangan yang lebih luas, M3, yang merangkumi M2 dan deposit sektor swasta (termasuk repo) yang disimpan dengan institusi

perbankan lain, iaitu syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam, tetapi tidak termasuk penempatan dana di antara institusi-institusi ini, meningkat pada tahap yang perlahan sebanyak 12.6% (13.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1995, pertumbuhan deposit sektor swasta yang ditempatkan dengan institusi perbankan lain, kecuali penempatan di antara mereka, meningkat hampir dua kali ganda iaitu sebanyak 18.2% (Januari - Ogos 1995 : 9.9%). Kesan yang ketara dapat dilihat menerusi pengembangan kukuh deposit tetap yang merupakan dua kali ganda daripada tahap dalam tempoh yang sama tahun 1995, disebabkan oleh kadar pulangan yang lebih menarik ditawarkan apabila dibandingkan dengan bank perdagangan. Pada asas tahunan, M3 meningkat dengan kukuh dalam tempoh empat bulan pertama tahun 1996 kepada paras tertinggi pada kadar 27% pada akhir bulan April, iaitu sebelum memperlahan kepada 21.8% pada akhir bulan Ogos (22.3% pada akhir tahun 1995).

Pertumbuhan M3 dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 berpunca terutamanya daripada **pemberian pinjaman kepada sektor swasta** yang meningkat sebanyak RM47 bilion (RM39 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995). Satu perkembangan yang dapat diperhatikan adalah peningkatan pemberian pinjaman oleh sistem perbankan bagi aktiviti kurang produktif (58% daripada peningkatan jumlah pinjaman, 48.2% dalam tempoh yang sama tahun 1995), dengan pinjaman disalurkan kepada sektor harta benda secara meluas, sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta bagi tujuan penggunaan masing-masing bernilai RM9.8 bilion, RM8.4 bilion dan RM5.3 bilion. Sementara itu, sektor perkilangan menerima kredit bernilai RM5.3 bilion. Seajar dengan lonjakan pasaran saham, pinjaman yang disalurkan kepada individu bagi pembelian saham dan unit amanah meningkat sebanyak RM1.1 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996.

Pertumbuhan agregat kewangan juga disokong oleh **operasi belanjawan Kerajaan**, walaupun pada tahap yang kecil, yang memberikan kesan pengembangan sebanyak RM2 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 (-RM2.7 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995). Ini terutamanya mewakili kenaikan pinjaman Kerajaan yang lebih tinggi (RM3 bilion), yang melebihi peningkatan depositnya (RM1 bilion).



Kecairan Bank dan Pasaran Wang

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, kecairan dalam sistem perbankan masih berlebihan. Oleh itu, dasar kewangan dijuruskan kepada pengurusan lebih kecairan bagi membendung lebih permintaan agregat serta tekanan inflasi dan seterusnya memastikan tahap pertumbuhan yang berkekalan. Pengurusan lebih kecairan juga penting untuk mengurangkan potensi bagi pengembangan kredit memandangkan pemberian pinjaman merupakan penentu utama yang menyebabkan pertumbuhan penawaran wang dalam tempoh tersebut.

Bagi menguruskan kecairan secara lebih berkesan, BNM telah menjalankan operasi kecairannya dengan menggunakan kombinasi instrumen-instrumen tradisional dan berasaskan pasaran. BNM sangatlah aktif dalam operasi kecairannya menerusi peminjaman langsung daripada pasaran wang sebagai langkah mengawal kecairan dengan lebih berkesan. Tambahan pula, BNM telah menerbitkan semula sebilangan besar Bil Bank Negara (BNBs) yang matang dalam tempoh tersebut. BNM juga telah menaikkan paras keperluan rizab berkanun institusi perbankan dua kali sebanyak satu mata peratusan dalam bulan Februari, iaitu daripada 11.5% kepada 12.5% dan seterusnya kepada 13.5% dalam bulan Jun 1996, sebagai satu langkah yang lebih kekal bagi menyerap lebih kecairan. Langkah-langkah lain termasuk pemusatan berterusan akaun vostro serta dana berlebihan Kerajaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan BNM. Menggambarkan kesan langkah-langkah ini, kadar faedah tempatan telah meningkat dan seterusnya membantu menghalang pertumbuhan kredit dan kewangan.

Keadaan kecairan yang berlebihan dalam sistem perbankan dicerminkan dalam pertumbuhan agregat kewangan, lebih pinjaman-deposit sistem perbankan dan pegangan lebih aset mudah tunai sistem perbankan (pegangan yang melebihi keperluan wajib sebanyak 17% bagi bank perdagangan dan 10% hingga 12.5% bagi syarikat kewangan dan bank saudagar). Pertumbuhan kewangan yang meningkat dalam tempoh suku pertama telah memperlakan kemudiannya, walaupun ia masih pada tahap yang kukuh. Pada akhir bulan Ogos, pertumbuhan M1, M2 dan M3 adalah sebanyak 12.7%, 19.9% dan 21.8%. Tambahan pula, sistem perbankan mengalami lebih pinjaman-deposit sebanyak RM1 bilion

dalam tempoh lapan bulan pertama, berbanding dengan kurangan sumber sebanyak RM2.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Terdapat juga aliran masuk dana daripada luar negeri berikutan pelabur-pelabur ingin mendapatkan kadar pulangan yang lebih tinggi. Menggambarkan keadaan ini, tanggungan luar bersih sistem perbankan meningkat sebanyak RM8 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama (RM1.2 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995). Sementara itu, lebih aset mudah tunai sistem perbankan meningkat daripada RM1.5 bilion pada akhir tahun 1995 kepada RM2 bilion pada akhir bulan Ogos 1996.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, jumlah pinjaman dan pendahuluan sistem perbankan telah meningkat dengan ketara sebanyak RM40.5 bilion (16.1%) kepada RM292.3 bilion pada akhir bulan Ogos 1996 (Januari - Ogos 1995 : RM33.4 bilion atau 17.1%). Sebahagian besar daripada peningkatan pinjaman ini disalurkan kepada sektor harta benda secara meluas, sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan dan bagi tujuan penggunaan serta kepada sektor perkilangan. Jumlah deposit (termasuk repo) sistem perbankan turut mencatatkan pertumbuhan kukuh iaitu meningkat sebanyak RM41.4 bilion (14.7%) daripada akhir tahun 1995 kepada RM324.3 bilion pada akhir bulan Ogos 1996 (RM31.1 bilion atau 13.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Sebahagian besar daripada peningkatan deposit ini digerakkan oleh bank perdagangan (55.1%) dan syarikat kewangan (34.8%). Berdasarkan jenis deposit, deposit tetap mewakili bahagian terbesar (70.3%) daripada peningkatan jumlah deposit. Berikutan deposit yang meningkat lebih cepat daripada pinjaman, sistem perbankan mengalami lebih pinjaman-deposit sebanyak RM1 bilion. Walau bagaimanapun, nisbah pinjaman-deposit sistem perbankan, yang merupakan nisbah keseluruhan pinjaman kepada keseluruhan deposit, meningkat kepada 90.1% pada akhir bulan Ogos 1996 daripada 89% pada akhir tahun 1995.

Aktiviti pasaran wang kekal tinggi dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 dengan jumlah urusniaga bulanan purata bernilai RM69.8 bilion, iaitu hampir tidak berubah dari kedudukannya dalam tempoh yang sama tahun 1995 (RM71.4 bilion). Sepertimana dalam tahun-tahun yang lepas, kebanyakan daripada urusniaga terus tertumpu dalam tempoh jangka pendek, dengan wang

semalaman mewakili 73.1% daripada jumlah urusaniaga (60.1% dalam tempoh yang sama tahun lepas).

Kadar faedah meningkat dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 berikutan pengetatan kewangan berterusan BNM. Purata bulanan kadar faedah purata harian berlawanan antara bank bagi kesemua tempoh matang meningkat secara keseluruhannya daripada 6.47%-7.05% dalam bulan Disember 1995 kepada 6.61%-7.43% dalam bulan Ogos 1996. Sejajar dengan pergerakan kadar antara bank, kadar faedah purata deposit tetap bank perdagangan dan syarikat kewangan meningkat secara keseluruhannya masing-masing sebanyak 37-64 dan 40-60 mata asas, iaitu dalam lingkungan antara 7.15%-7.26% dan 7.25%-7.38% pada akhir bulan Ogos. Mencerminkan kos dana yang lebih tinggi, kadar purata pemberian pinjaman asas (BLR) juga turut meningkat. Kadar purata BLR bank perdagangan meningkat daripada 8.03% pada akhir tahun 1995 kepada 9.25% pada akhir bulan Ogos 1996, manakala BLR syarikat kewangan pula meningkat daripada 9.38% kepada 10.62% dalam tempoh yang sama.

Sementara itu, **operasi sektor luaran** menyumbangkan kesan penguncupan ke atas M3. Menggambarkan baki luaran yang lebih baik, rizab antarabangsa bersih BNM mencatatkan peningkatan sebanyak RM3.7 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama kepada RM67.5 bilion pada akhir bulan Ogos. Pada masa yang sama, tanggungan luar bersih sistem perbankan meningkat sebanyak RM6.4 bilion dalam tempoh tersebut. Dengan ini, operasi luaran sektor swasta bukan bank menguncup sebanyak RM2.7 bilion (-RM3.2 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995). 'Pengaruh lain', yang merangkumi faktor-faktor residual, memberi kesan penguncupan sebanyak RM12.1 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, terutamanya disebabkan oleh peningkatan modal berbayar dan rizab, faedah yang tidak diagihkan dan terimaan berbayar sistem perbankan.

Bank Perdagangan

Operasi bank perdagangan terus berkembang dengan kukuh dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 selaras dengan tahap pertumbuhan ekonomi. **Jumlah sumber** (termasuk modal dan rizab, deposit, peminjaman daripada lain-lain

institusi kewangan yang lain, penerimaan jurubank (BAs) dan tanggungan lain seperti faedah tertangguh, peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu serta peminjaman daripada BNM dan bil diskaun BNM) meningkat sebanyak 11.9% kepada RM327,015 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 13.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Bank perdagangan menerima 67.7% daripada jumlah deposit (termasuk repo) yang disimpan dengan sistem perbankan serta mengeluarkan 68.9% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan.

Mencerminkan pengembangan ekonomi yang kukuh, **jumlah deposit**, yang meliputi deposit semasa, tetap dan tabungan, IDB, Tabung Pelaburan Baru (TPB), deposit khas dan repo yang digerakkan oleh bank perdagangan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.6% daripada akhir tahun 1995 kepada RM219,689 juta pada akhir lapan bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 14.0% dalam tempoh yang sama tahun 1995, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.1. Pertumbuhan jumlah deposit mencerminkan peningkatan kadar faedah dalam tempoh masa kajian. Sebahagian besar daripada deposit baru ini ditempatkan oleh lain-lain pelanggan (mewakili RM11,757 juta atau 51.5% daripada jumlah deposit baru), diikuti oleh perusahaan perniagaan (RM6,883 juta atau 30.1% serta Kerajaan dan badan berkanun (RM4,371 juta atau 19.1%). Walau bagaimanapun, wujud kemerosotan ketara (RM1,920 juta) dalam deposit yang ditempatkan oleh institusi kewangan.

Permintaan kredit yang kukuh daripada sektor swasta mengekalkan pertumbuhan jumlah **pinjaman dan pendahuluan** (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad) dengan peningkatan sebanyak 15.1% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 kepada RM201,483 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan 19.8% dalam tempoh yang sama tahun 1995, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.2. Dalam tempoh ini, sebahagian besar daripada pinjaman baru ini (48.3% atau RM12,778 juta) disalurkan kepada sektor ekonomi yang kurang produktif, dengan RM6,296 juta atau 23.8% daripada jumlah pinjaman dan pendahuluan baru disalurkan kepada sektor harta benda, RM5,643 juta atau 21.3% disalurkan kepada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan

Jadual 9.1
Bank Perdagangan: Deposit

	Perubahan dalam jangkamasa				Pada akhir bulan Ogos 1996
	1995		1996		
	Januari-Ogos		Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit semasa	2,889	9.1	2,813	7.8	39,114
Deposit tabungan	452	2.1	1,040	4.4	24,522
Deposit tetap	16,009	20.6	16,043	15.7	118,253
IDB ¹	2,034	10.5	1,180	4.8	25,721
Repo	999	10.9	1,748	18.1	11,360
Lain-lain ²	97	20.7	14	2.0	719
JUMLAH	22,480	14.0	22,838	11.6	219,689

¹ Instrumen deposit boleh niaga.

² Termasuk Tabung Pelaburan Baru dan deposit khas.

Sumber: BNM.

manakala RM839 juta atau 3.2% disalurkan bagi tujuan penggunaan. Sementara itu, jumlah pinjaman yang disalurkan kepada sektor perkilangan meningkat sebanyak 10.9% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 kepada RM46,963 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan 23.9% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pinjaman yang disalurkan bagi tujuan pembelian saham/stok pula meningkat dengan ketara sebanyak 18.3% daripada akhir tahun 1995 kepada RM9,505 juta pada akhir bulan Ogos 1996, mencerminkan bilangan terbitan baru dalam pasaran ekuiti (merosot sebanyak 0.02% dalam tempoh yang sama tahun 1995).

Menggambarkan pertumbuhan pinjaman dan pendahuluan (15.1%) yang lebih cepat berbanding dengan pertumbuhan deposit (11.6%), bank perdagangan mencatatkan perbezaan pinjaman-deposit yang lebih kecil sebanyak RM3,638 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996,

Jadual 9.2
Bank Perdagangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan dalam jangkamasa				Pada akhir bulan Ogos 1996
	1995		1996		
	Januari-Ogos		Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	32	0.9	413	10.8	4,273
Perlombongan dan kuari	398	76.4	-229	-25.8	657
Perkilangan	7,723	23.9	4,619	10.9	46,963
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	3,331	19.6	5,643	23.8	29,350
Pembinaan	2,090	20.1	3,172	22.7	17,167
Perdagangan am	3,204	21.3	2,218	11.6	21,261
Pengangkutan dan penyimpanan	258	10.6	512	17.2	3,498
Hartanah	3,143	29.1	2,782	18.1	18,145
Perumahan ¹	1,528	10.8	342	2.0	17,083
Pelbagai	4,790	17.3	7,004	19.4	43,086
JUMLAH	26,497	19.8	26,476	15.1	201,483


¹ Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: BNM.

berbanding dengan RM4,017 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Oleh itu, **nisbah pinjaman-deposit** bank perdagangan meningkat daripada 88.9% pada akhir tahun 1995 kepada 91.7% pada akhir bulan Ogos 1996.

Bank perdagangan terus menyediakan kemudahan kredit kepada **sektor yang diberi keutamaan** seperti masyarakat perniagaan Bumiputera, pembelian rumah berharga RM100,000 dan ke bawah setiap unit dan kepada perusahaan kecil di bawah Skim Jaminan Utama Baru (SJUB), Syarikat Jaminan Kredit (CGC).


Carta 9.2
Bank Perdagangan



1/ Termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repo)

2/ Deposit bersih merujuk kepada lebih deposit bank perdagangan berbanding dengan pinjaman dalam tiap-tiap suku tahunan manakala pinjaman bersih merujuk kepada lebih pinjaman berbanding dengan deposit.

3/ Pada akhir bulan Ogos 1996.



Dalam bulan Mac 1996, Garis Panduan Pemberian Pinjaman 1996 telah dikeluarkan sebagai lanjutan kepada Garis Panduan terdahulu yang tamat pada 31 Mac 1996. Di bawah Garis Panduan baru ini, bank perdagangan dikehendaki memperolehi sekurang-kurangnya RM1 bilion (RM350 juta sebelum ini) jaminan perlindungan daripada CGC ke atas pinjaman yang kurang daripada RM500,000, setiap pinjaman di mana sekurang-kurangnya separuh daripada kuota tersebut hendaklah diberikan kepada peminjam Bumiputera. Dari segi pinjaman kepada masyarakat Bumiputera pula, kuota yang ditetapkan telah dinaikkan daripada 20% dari jumlah asas pinjaman kepada 30%, berkuatkuasa mulai 31 Mac 1996. Bank perdagangan juga diperlukan membiayai pembelian sekurang-kurangnya 100,000 unit rumah (75,000 unit sebelumnya) berharga RM100,000 dan ke bawah setiap satu. Tarikh pematuan Garis Panduan ini ialah pada 31 Mac 1998 dengan separuh daripada sasaran minimum hendaklah dicapai pada 31 Mac 1997.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, pemberian pinjaman kepada **masyarakat Bumiputera** meningkat sebanyak 14.9% atau RM7,353 juta, berbanding dengan 13.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada masyarakat Bumiputera bernilai RM56,849 juta atau 31.2% dari jumlah asas pinjaman (31 Disember 1995) pada akhir bulan Ogos 1996. Pinjaman ini disalurkan terutamanya kepada sektor harta benda (RM17,435 juta), sektor kewangan, insurans dan perniagaan (RM12,140 juta) dan bagi tujuan pembelian saham/stok (RM6,835 juta). Bank perdagangan juga telah membiayai pembelian 19,199 unit rumah berharga RM100,000 dan ke bawah setiap unit ataupun 19.2% daripada sasaran yang ditetapkan (100,000 unit rumah). Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank perdagangan kepada perusahaan kecil di bawah SJUB, CGC, meningkat kepada RM400 juta pada akhir bulan Ogos 1996 (RM228 juta pada akhir bulan Ogos 1995), manakala pinjaman yang diluluskan di bawah Tabung Pinjaman Peniaga dan Penaja Kecil meningkat sebanyak 54.0% kepada RM115.5 juta (daripada ini, RM63.2 juta telah dikeluarkan kepada peminjam Bumiputera).

Mencerminkan dasar kewangan ketat BNM, mod kadar faedah deposit tetap bank perdagangan menunjukkan trend yang menaik dengan peningkatan sebanyak 0.20 hingga 0.60 mata

peratusan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. Mod kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan dan 3-bulan meningkat daripada 6.50% dan 6.60% setahun pada akhir tahun 1995 kepada 7.10% dan 7.15% setahun pada akhir bulan Ogos 1996. Begitu juga dengan kadar 6-bulan yang meningkat kepada lingkungan 7.15% hingga 7.30% setahun pada akhir bulan Ogos 1996 daripada 6.70% setahun pada akhir tahun 1995, manakala kadar 12-bulan meningkat kepada 7.20% setahun daripada 7.00% setahun pada akhir tahun 1995. Mod deposit tabungan juga meningkat sebanyak 0.25 mata peratusan kepada 3.50% setahun pada akhir bulan Ogos 1996 daripada 3.25% setahun pada akhir tahun 1995. Di dalam pasaran wang antara bank pula, peningkatan kadar faedah purata harian berlawanan antara bank bagi kesemua tempoh matang berada dalam lingkungan antara 6.61% hingga 7.43% setahun pada akhir bulan Ogos 1996 daripada lingkungan antara 6.47% hingga 7.05% setahun pada akhir tahun 1995. Sejajar dengan peningkatan kadar antara bank pasaran wang, kos dana purata telah meningkat sebanyak 1.20 mata peratusan kepada 5.87% setahun pada akhir bulan Ogos 1996 daripada 4.67% setahun pada akhir tahun 1995. Begitu juga dengan kadar pinjaman purata yang meningkat daripada 9.28% setahun pada akhir tahun 1995 kepada 10.17% setahun pada akhir bulan Ogos 1996.

Memandangkan kos dana purata meningkat lebih cepat berbanding dengan kadar pinjaman purata, margin kadar faedah kasar mengecil sebanyak 0.31 mata peratusan daripada 4.61% setahun pada akhir tahun 1995 kepada 4.30% setahun pada akhir bulan Ogos 1996. Mod BLR bank perdagangan juga meningkat kepada 9.35% setahun pada akhir bulan Ogos 1996 daripada 8.20% setahun pada akhir tahun 1995, mencerminkan trend peningkatan kos dana.

Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) yang dilancarkan dalam tahun 1977 bertujuan menggalakkan pengeksporan barang-barang perkilangan dan komoditi terpilih. BNM memberi kemudahan pembiayaan pada kadar faedah istimewa melalui bank perdagangan kepada pengeksporn langsung dan tidak langsung yang berkeelayakan. Jumlah pembiayaan ECR merosot dengan ketara sebanyak 30.2% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 kepada RM8,060 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 25.0% dalam

tempoh yang sama tahun 1995. Daripada jumlah ini, RM4,148 juta adalah bagi pasca-penghantaran dan RM3,912 juta adalah bagi pra-penghantaran. Sebahagian besar daripada kredit ini adalah untuk sektor minyak sawit (RM2,425 juta atau 30.1% daripada kredit baru), keluaran mekanikal dan elektrik (RM1,825 juta atau 22.6%) dan keluaran getah (RM1,179 juta atau 14.6%). Mencerminkan peningkatan kadar faedah pasaran wang terutamanya kadar BAs, kadar pembiayaan ECR telah dinaikkan daripada 7.25% setahun kepada 7.70% setahun, berkuatkuasa mulai 1 April 1996.

Pada akhir bulan Ogos 1996, bilangan bank perdagangan yang beroperasi di seluruh negara kekal sebanyak 37 buah, di mana 23 buah merupakan bank tempatan manakala 14 buah yang lain merupakan bank yang dikuasai oleh pihak asing. Jumlah bilangan pejabat cawangan bank tempatan telah meningkat daripada 1,362 buah pada akhir bulan Ogos 1995 kepada 1,500 buah pada akhir bulan Ogos 1996. Sementara itu, pejabat cawangan bank di bawah penguasaan asing pula kekal sebanyak 144 buah. Pada akhir bulan Ogos 1996, sebanyak 11 buah bank perdagangan telah diberikan status Kumpulan-1. Sebagai bank perdagangan dalam Kumpulan-1, mereka dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut, tertakluk kepada garis panduan berhemat dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh BNM, berkuatkuasa mulai 26 Julai 1996:

- (i) menerbitkan IDB sehingga lima kali ganda dana modal mereka;
- (ii) menyertai pasaran derivatif ekuiti;
- (iii) mengambil bahagian dalam aktiviti peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti; dan
- (vi) memperluaskan operasi mereka menerusi penubuhan pejabat-pejabat cawangan, pejabat perwakilan, anak syarikat ataupun syarikat usahasama.

Perbankan Islam

Perbankan Islam mengalami setahun lagi pertumbuhan yang memberangsangkan dengan pertambahan bilangan institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Pada akhir bulan Julai 1996, selain Bank Islam

Malaysia Berhad (BIMB), terdapat 46 institusi kewangan (24 buah bank perdagangan, 19 buah syarikat kewangan dan tiga buah bank saudagar) yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di bawah SPTF berbanding dengan 21 buah bank perdagangan, 15 buah syarikat kewangan dan tiga buah bank saudagar yang menawarkan perkhidmatan ini pada penghujung bulan Julai 1995. Jumlah aset sistem perbankan Islam (SPTF dan BIMB) meningkat sebanyak 19.0% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 kepada RM6,604 juta pada akhir bulan Julai 1996 (Julai 1995: RM5,970 juta). Jumlah deposit yang dikumpulkan oleh sistem perbankan Islam melonjak 14.6% daripada akhir tahun 1995 kepada RM5,644 juta pada akhir bulan Julai 1996, manakala jumlah pembiayaan meningkat 50.8% kepada RM5,155 juta. Sebahagian besar daripada deposit baru adalah dalam bentuk deposit pelaburan am (28.6%) dan deposit pelaburan khusus (9.7%), yang bernilai RM2,801 juta dan RM500 juta. Pada masa yang sama, deposit tabungan dan deposit semasa meningkat dengan ketara sebanyak 25.6% dan 21.3%. Dari segi sektoral, 26.4% daripada pembiayaan baru disalurkan kepada sektor pembinaan dan hartanah (RM458 juta), manakala 15.0% disalurkan kepada sektor perumahan (RM261 juta) dan 7.5% kepada sektor pengangkutan dan penyimpanan (RM131 juta). Jumlah urusanniaga pasaran wang antara bank secara Islam (IIMM) mencatatkan peningkatan sebanyak RM27,071 juta. Urusniaga dalam BAs secara Islam bernilai RM2,460 juta pada akhir bulan Julai 1996, manakala 'BAs Hijau' bernilai RM9,513 juta pada akhir bulan Julai 1996. Bagi mempertingkatkan lagi urusanniaga dalam IIMM, BNM telah memperkenalkan empat langkah tambahan berkuatuasa mulai 2 Februari 1996. Langkah-langkah ini adalah seperti:

(i) Kadar keuntungan minimum untuk Pelaburan Antara Bank secara Mudharabah (MII)

Ahli-ahli IIMM dikehendaki menetapkan kadar pulangan mereka kepada paras minimum yang ditentukan oleh BNM. Pada masa sekarang, paras minimum ialah Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia dicampurkan dengan 'spread' sebanyak 0.5%.

(ii) Campurtangan BNM menerusi MII

Bergantung kepada keadaan, BNM boleh melaksanakan operasi pasaran wang

menerusi MII bagi menyediakan kecairan dalam pasaran serta mempengaruhi keadaan kecairan keseluruhan sistem perbankan.

(iii) Amalan urusanniaga dalam MII

Broker wang dikehendaki menjalankan fungsi sebagai orang tengah bagi maksud memenuhi keperluan unit surplus (pemberi pinjaman) dan unit defisit (peminjam) dalam MII. Broker-broker ini diharapkan membantu menggalakkan urusanniaga yang aktif dalam MII dengan menyediakan mekanisme nisbah perkongsian untung yang lebih berstruktur, yang mana kedua-dua unit defisit dan unit surplus dikehendaki memaklumkan tawaran membeli dan tawaran menjual mereka menerusi broker wang.

(iv) Pemberi pinjaman terakhir

BNM akan berperanan sebagai pemberi pinjaman terakhir berdasarkan kepada konsep Al-Mudharabah. Denda sama rata sebanyak RM2,000 akan dikenakan sekiranya ahli-ahli IIMM meminjam daripada BNM sebanyak tiga kali atau lebih dalam seminggu. Tambahan pula, nisbah perkongsian untung telah dinaikkan daripada 70:30 kepada 95:5 (95% untuk pelabur).

Bagi mempertingkatkan lagi perbankan Islam, BNM telah mencadangkan penubuhan majlis penasihat pusat syariah pada akhir tahun ini. Majlis ini akan bertindak sebagai urusetia pusat penyelarasan dan pusat rujukan syariah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kewangan serta perbankan Islam. Majlis ini yang akan ditempatkan di BNM akan turut menjadi pusat rujukan serta badan penguatkuasa bagi hal-hal berkaitan dengan hukum syariah. Satu perkembangan penting dalam bidang perbankan Islam adalah dengan terlancarnya indeks berasaskan prinsip Islam yang pertama di rantau Asia pada 10 Mei 1996. Indeks ini yang dikenali sebagai 'RHB Islamic Index' berlandaskan prinsip syariah dan terdiri daripada 179 kaunter yang diluluskan di bawah prinsip ini. Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) juga sedang merangka satu indeks secara Islam bagi meliputi syarikat-syarikat Islam yang dikenalpasti oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Syarikat Kewangan

Prestasi syarikat kewangan terus meningkat, mencerminkan permintaan kukuh terhadap perkhidmatan kewangan dalam ekonomi yang kian berkembang pesat. **Jumlah sumber** (meliputi modal dan rizab, deposit dan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan lain) yang digerakkan oleh syarikat kewangan meningkat sebanyak 18.6% daripada akhir tahun 1995 kepada RM108,964 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan 13.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995. **Jumlah deposit** (termasuk repo) yang digerakkan oleh syarikat kewangan juga meningkat sebanyak 20.6% kepada RM84,383 juta pada akhir bulan Ogos 1996 (Januari-Ogos 1995: 12.3%), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.3. Ini disebabkan terutamanya oleh kadar faedah tinggi yang ditawarkan dalam tempoh tersebut. Begitu juga dengan **jumlah pinjaman** yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan yang meningkat sebanyak 18.4% kepada RM74,293 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 13.2% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, jumlah deposit baru yang digerakkan oleh syarikat kewangan meningkat sebanyak RM14,420 juta, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM7,023 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Dari segi pendeposit, sebahagian besar terdiri daripada pelanggan-pelanggan lain (41.8% daripada jumlah deposit), institusi kewangan (23.8%), perusahaan perniagaan (21.1%) serta Kerajaan dan badan berkanun (11.0%). Sebahagian besar daripada deposit baru ini adalah dalam bentuk deposit tetap yang meningkat sebanyak RM10,779 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 kepada RM65,193 juta pada akhir bulan Ogos 1996 (peningkatan sebanyak RM4,960 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995), mencerminkan pengukuhan kadar faedah bagi deposit tersebut. Walau bagaimanapun, deposit tabungan mencatatkan kemerosotan yang lebih rendah sebanyak 4.0% daripada akhir tahun 1995 kepada RM4,703 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 8.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995. IDB yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan meningkat dengan ketara sebanyak 42.9% dalam tempoh tersebut, berbanding dengan peningkatan sebanyak 29.9% dalam tempoh yang sama tahun 1995, menjadikan

Jadual 9.3					
Syarikat Kewangan: Deposit					
	Perubahan dalam jangkamasa				Pada akhir bulan Ogos 1996
	1995		1996		
	Januari-Ogos		Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit tabungan	-459	-8.3	-196	-4.0	4,703
Deposit tetap	4,960	11.0	10,779	19.8	65,193
Deposit khas	5	14.6	3	4.3	72
IDB ¹	1,642	29.9	3,733	42.9	12,444
Repo	875	80.2	101	5.4	1,971
JUMLAH	7,023	12.3	14,420	20.6	84,383

¹ Instrumen deposit boleh niaga.

Sumber: BNM

¹ Instrumen deposit boleh niaga.

Sumber: BNM

jumlah keseluruhan IDB sebanyak RM12,444 juta pada akhir bulan Ogos 1996. Jumlah deposit syarikat kewangan bernilai RM84,383 juta pada akhir bulan Ogos 1996 iaitu mewakili 23.4% daripada jumlah sumber sistem perbankan. Sebahagian besar daripada deposit ini adalah dalam bentuk deposit tetap (77.3% daripada jumlah deposit pada akhir bulan Ogos 1996), diikuti oleh IDB (14.7%) dan deposit tabungan (5.6%).

Aktiviti pemberian pinjaman syarikat kewangan terus berkembang, mencerminkan peningkatan permintaan bagi pembiayaan sektor swasta. Jumlah pinjaman dan pendahuluan syarikat kewangan meningkat sebanyak RM11,541 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 kepada RM74,293 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM6,627 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.4. Pinjaman kepada individu meningkat sebanyak 13.8% (RM4,837 juta) kepada RM39,848 juta pada akhir bulan Ogos 1996. Daripada jumlah ini 19.4% (RM7,726 juta) disalurkan bagi tujuan pembelian rumah dan 69.2% (RM27,561 juta) adalah bagi tujuan penggunaan. Sementara itu, pinjaman yang disalurkan kepada sektor pembinaan, hartanah dan perkilangan

Jadual 9.4

Syarikat Kewangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Ogos 1996
	1995		1996		
	Januari-Ogos		Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	91	11.9	151	15.8	1,104
Perlombongan dan kuari	44	26.4	5	2.0	250
Perkilangan	628	21.3	526	13.1	4,531
Pembinaan	-103	-2.6	1,251	28.6	5,622
Hartanah Individu yang mana:	306	11.0	895	26.5	4,272
	3,652	13.1	4,837	13.8	39,848
Kredit penggunaan	3,162	17.8	4,439	19.2	27,561
Pembelian stok/ saham	149	4.0	-6	-0.1	4,561
Perumahan ¹	341	5.3	404	5.5	7,726
Perdagangan am	60	4.3	310	20.1	1,855
Pelbagai	1,949	19.3	3,566	26.9	16,811
JUMLAH	6,627	13.2	11,541	18.4	74,293

¹ Tidak termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: BNM.

meningkat sebanyak 28.6%, 26.5% dan 13.1% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 (-2.6%, 11.0% dan 21.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Menggambarkan pertumbuhan deposit (20.6%) yang lebih cepat berbanding dengan pertumbuhan pinjaman (18.4%), nisbah pinjaman-deposit syarikat kewangan berkurangan daripada 89.7% pada akhir tahun 1995 kepada 88.0% pada akhir bulan Ogos 1996.

Mencerminkan pendekatan dasar kewangan ketat yang diambil oleh BNM, mod kadar faedah deposit tetap syarikat kewangan bagi kesemua tempoh matang meningkat dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. Kadar faedah bagi tempoh matang 1-bulan meningkat daripada 6.65%

setahun pada akhir tahun 1995 kepada 7.25% setahun pada akhir bulan Ogos 1996, manakala bagi tempoh matang 3-bulan pula meningkat daripada 6.80% setahun pada akhir tahun 1995 kepada 7.30% setahun pada akhir bulan Ogos 1996. Begitu juga dengan kadar faedah bagi tempoh matang 6-bulan dan 12-bulan yang meningkat kepada 7.35% dan 7.40% setahun pada akhir bulan Ogos 1996 daripada 6.85% dan 7.00% setahun pada akhir tahun 1995. Walau bagaimanapun, mod kadar faedah deposit tabungan kekal stabil daripada lingkungan 4.50% hingga 5.50% setahun pada akhir tahun 1995 kepada 5.50% setahun pada akhir bulan Ogos 1996.

Kos deposit purata syarikat kewangan meningkat daripada 6.31% setahun pada akhir tahun 1995 kepada 7.00% setahun pada akhir bulan Ogos 1996, menggambarkan peningkatan dalam kadar faedah. Begitu juga dengan kadar pinjaman purata yang meningkat sebanyak 0.32 mata peratusan kepada 11.86% setahun pada akhir bulan Ogos 1996 daripada 11.54% setahun pada akhir tahun 1995. Dengan bertambah cepatnya peningkatan kos deposit purata berbanding dengan kadar pinjaman purata, margin kadar faedah kasar mengecil sebanyak 0.37 mata peratusan kepada 4.86% setahun pada akhir bulan Ogos 1996, daripada 5.23% setahun pada akhir tahun 1995. Mencerminkan trend peningkatan kos deposit purata, mod **BLR** syarikat kewangan meningkat daripada 9.20% setahun pada akhir tahun 1995 kepada 10.60% setahun pada akhir bulan Ogos 1996.

Garis Panduan Pemberian Pinjaman bagi **sektor yang diberi keutamaan** telah dikeluarkan pada 27 Mac 1996 sebagai lanjutan kepada Garis Panduan terdahulu untuk syarikat kewangan. Di bawah Garis Panduan ini, pinjaman kepada masyarakat Bumiputera telah dinaikkan daripada 20% kepada 30% dari jumlah pinjaman asas. Bagi pemberian pinjaman untuk pembelian rumah pula, syarikat kewangan dikehendaki membuat komitmen untuk membiayai pembelian sekurang-kurangnya 40,000 unit rumah berharga RM100,000 dan ke bawah setiap satu (25,000 unit rumah sebelumnya). Syarikat kewangan juga dikehendaki memberi liputan jaminan ke atas pinjaman bernilai kurang daripada RM500,000 daripada CGC, berjumlah tidak kurang daripada RM240 juta (RM60 juta sebelumnya), di mana sekurang-kurangnya separuh daripadanya hendaklah disalurkan kepada peminjam Bumiputera. Pematuhan untuk Garis

Panduan ini ditetapkan mulai 31 Mac 1998, dan separuh daripada sasaran minimum hendaklah dicapai pada 31 Mac 1997. Pada akhir bulan Ogos 1996, pinjaman kepada masyarakat Bumiputera berjumlah RM24,795 juta atau 38.3% daripada jumlah pinjaman asas (31 Disember 1995), manakala syarikat kewangan secara kumpulan telah membuat komitmen untuk membiayai pembelian 8,916 unit rumah berharga RM100,000 dan ke bawah setiap satu ataupun mencapai 22.3% daripada sasaran yang telah ditetapkan.

Sistem kawalan dua kumpulan yang diperkenalkan kepada bank perdagangan (Disember 1994) dan bank saudagar (Januari 1996) telah diperluaskan kepada syarikat kewangan. Untuk diklasifikasikan di bawah Kumpulan-1, syarikat kewangan haruslah mempunyai jumlah dana pemegang saham bernilai RM300 juta. Tambahan pula, syarikat kewangan dikehendaki meningkatkan dana ini kepada RM600 juta menjelang akhir tahun 1998 dan seterusnya mencapai modal berbayar minimum sebanyak RM800 juta menjelang akhir tahun 2000. Tertakluk kepada garis panduan berhemat dan syarat-syarat yang dikenakan oleh BNM, syarikat kewangan dalam Kumpulan-1 dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) perniagaan pemfaktoran;
- (ii) menyediakan perkhidmatan wang kiriman di dalam negara, termasuk cek jurubank, draf semasa, pemindahan telegrafik dan arahan pembayaran. Walau bagaimanapun, syarikat kewangan hendaklah menggunakan cek bank perdagangan dalam Kumpulannya, atau cek bank perdagangan dalam Kumpulan-1;
- (iii) menyertai dana-dana yang ditadbir oleh BNM (umpamanya Tabung Untuk Makanan, Tabung Khas Pelancongan, Tabung Usahawan Baru dan Tabung Industri Bumiputera);
- (iv) memberi pinjaman perniagaan tanpa cagaran sehingga RM500,000 kecuali pinjaman persendirian yang tetap dihadkan pada RM10,000;
- (v) menceburi perniagaan pembiayaan modal teroka (venture capital financing) melalui

penubuhan subsidiari baru, atau pelaburan dalam syarikat modal teroka yang terdapat dalam Kumpulan yang sama; dan

- (vi) menerbitkan IDB sehingga lima kali ganda dana modal mereka.

SRR syarikat kewangan telah dinaikkan dua kali sebanyak satu mata peratusan iaitu daripada 11.5% kepada 12.5% daripada tanggungan layak mereka (berkuatkuasa mulai 1 Februari 1996) dan seterusnya daripada 12.5% kepada 13.5% daripada tanggungan layak mereka (berkuatkuasa mulai 1 Jun 1996).

Bilangan syarikat kewangan yang beroperasi di seluruh negara kekal sebanyak 40 buah pada akhir bulan Ogos 1996, di mana 12 buah adalah anak syarikat milik penuh bank perdagangan tempatan dan empat buah yang lain adalah anak syarikat bank perdagangan asing yang diperbadankan di Malaysia. Dalam tempoh ini, syarikat kewangan menubuhkan 63 buah lagi pejabat cawangan baru, menjadikan jumlah pejabat cawangan di seluruh negara sebanyak 1,051 buah pada akhir bulan Ogos 1996.

Bank Saudagar

Prestasi keseluruhan bank saudagar terus berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang disertai dengan peningkatan dalam permintaan bagi aktiviti perantaraan kewangan. Jumlah sumber yang digerakkan oleh bank saudagar daripada **aktiviti berasaskan dana** meningkat sebanyak 10.1% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 kepada RM29,796 juta, berbanding dengan peningkatan sebanyak 2.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Jumlah sumber baru disumbangkan menerusi simpanan deposit oleh badan korporat dan IDB yang dikeluarkan oleh bank saudagar. Dalam tempoh masa kajian, jumlah **deposit baru** yang digerakkan oleh bank saudagar meningkat sebanyak RM4,178 juta kepada RM20,271 juta (Januari-Ogos 1995: RM1,646 juta), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.5. Ini disebabkan terutamanya oleh pengukuhan kadar faedah dalam tempoh tersebut. Deposit baru (termasuk repo) yang disimpan oleh institusi kewangan meningkat sebanyak RM3,100 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 kepada RM8,573 juta, berbanding dengan

RM700 juta pada tempoh yang sama tahun 1995. Institusi kewangan merupakan penyumbang terbesar, iaitu mewakili 42.3% daripada jumlah deposit yang disimpan dengan bank saudagar pada akhir bulan Ogos 1996. Sebahagian besar (88.5%) daripada jumlah deposit tetap bank saudagar masih tertumpu dalam tempoh matang jangka pendek sehingga enam bulan. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, **jumlah deposit** (termasuk repo) yang digerakkan oleh bank saudagar meningkat sebanyak 26.0% kepada RM20,271 juta, berbanding dengan peningkatan sebanyak 11.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pada akhir bulan Ogos 1996, bahagian deposit yang digerakkan oleh bank saudagar kepada jumlah deposit sistem perbankan meningkat sedikit kepada 6.2% daripada 5.7% pada akhir tahun 1995.

Operasi pemberian pinjaman bank saudagar meningkat sebanyak 23.9% daripada akhir tahun 1995 kepada RM16,531 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 2.8% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman kepada sektor swasta (100.2%). Walau bagaimanapun, pinjaman kepada sektor awam mencatatkan penyusutan sebanyak 0.7%. Pinjaman kepada sektor swasta mewakili 98.6% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank saudagar pada akhir bulan Ogos 1996. Sebahagian besar daripada pinjaman ini adalah dalam bentuk pinjaman berjangka yang bernilai RM9,033 juta atau 54.6% daripada jumlah pinjaman bank saudagar pada akhir bulan Ogos 1996. Sebahagian besar daripada kredit ini disalurkan kepada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (RM1,424 juta atau 44.7% daripada jumlah pinjaman baru), diikuti oleh sektor harta benda secara meluas (RM1,037 juta atau 32.5%) dan sektor perkilangan (RM274 juta atau 8.6%).

Berikutan daripada pertumbuhan deposit yang mengatasi pertumbuhan pinjaman, **nisbah pinjaman-deposit** bank saudagar berkurangan daripada 87.9% pada akhir tahun 1995 kepada 81.5% pada akhir bulan Ogos 1996. **Purata nisbah kecairan** bank saudagar meningkat daripada 15.3% pada akhir tahun 1995 kepada 15.6% pada akhir bulan Ogos 1996. Kos deposit purata bank saudagar meningkat sebanyak 0.85 mata peratusan kepada 7.19% pada akhir bulan Ogos 1996 daripada 6.34% pada akhir tahun 1995,

Jadual 9.5

Bank Saudagar: Deposit Dan Pinjaman

	Perubahan dalam jangkamasa				Pada akhir bulan Ogos 1996
	1995		1996		
	Januari-Ogos		Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit					
Deposit tetap	963.5	9.8	1,999.6	19.9	12,033.3
Bank Perdagangan	-134.4	-28.2	361.8	63.8	928.8
Syarikat Kewangan	228.9	88.7	-44.8	-14.4	267.0
Badan Korporat	37.3	0.5	689.8	9.7	7,815.2
Lain-lain ¹	831.7	42.7	992.8	48.9	3,022.3
NIF	7.3	123.7	332.8	2,293.6	347.7
Repo	492.8	24.1	-355.7	-13.4	2,308.3
IDB	182.0	6.7	2,201.2	65.1	5,581.9
JUMLAH	1,645.6	11.3	4,177.9	26.0	20,271.2
Pinjaman					
Pinjaman berjangka	116.9	1.9	1,930.2	27.2	9,032.7
Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri	-11.8	-35.1	-6.7	-11.9	49.5
Badan Berkanun dan Kerajaan tempatan	2.4	5.2	-8.6	-19.5	35.6
PABK ²	-34.0	-21.8	17.1	14.6	134.1
Individu Bumiputera	-73.6	-3.4	780.1	34.1	3,068.7
Dalam Negeri	231.1	5.9	1,148.3	25.1	5,718.2
Luar Negeri	2.8	37.9	-0.0	-0.0	26.6
Bil-bil perdagangan (termasuk BAs)	88.8	15.2	-104.1	-14.2	629.2
Pelbagai	119.0	2.5	1,363.3	24.8	6,869.1
JUMLAH	324.7	2.8	3,189.4	23.9	16,531.0

¹ Termasuk bank saudagar dan institusi kewangan yang lain

² Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Sumber: BNM

mencerminkan pengukuhan kadar faedah deposit tetap. Begitu juga dengan kadar pinjaman purata yang meningkat daripada 9.50% pada akhir tahun 1995 kepada 10.95% pada akhir bulan Ogos 1996 dan menyebabkan margin kadar faedah kasar bank saudagar meningkat sebanyak 0.60 mata peratusan kepada 3.76% daripada 3.16%.

Pendapatan bank saudagar dari aktiviti berasaskan fi (fee), yang merupakan 56.4% daripada jumlah pendapatan keseluruhan bank saudagar bernilai RM243 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan RM185 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Bank saudagar menaja jamin sebanyak 80 terbitan baru stok dan saham serta sekuriti hutang swasta (PDS) dengan nilai sebanyak RM3,070 juta, berbanding dengan RM1,790 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Daripada jumlah ini, 14 merupakan terbitan awam dan 28 adalah terbitan hak. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, sebanyak 12 buah bank saudagar bertindak sebagai penasihat korporat dari segi pembelian, pengambilalihan dan pergabungan serta menyediakan kajian kemungkinan untuk 184 pelanggan korporat. Jumlah dana portfolio yang diuruskan oleh bank saudagar meningkat sebanyak 5.2% kepada RM3,787 juta dalam tempoh tersebut (Januari-Jun: 14.6%). Jumlah fi yang diperolehi daripada aktiviti pengurusan portfolio bank saudagar, yang merupakan 2.4% daripada jumlah pendapatan bernilai RM10.2 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan RM10.8 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sebahagian besar daripada dana portfolio yang diuruskan oleh bank saudagar dimiliki oleh institusi-institusi (65.1%), manakala yang selebihnya dimiliki oleh badan korporat (18.1%), lain-lain (15.0%) dan individu (1.8%).

Terdapat 12 buah bank saudagar dengan lapan buah pejabat cawangan beroperasi di seluruh negara pada akhir bulan Ogos 1996. **Jumlah aset** bank saudagar meningkat sebanyak 10.1% daripada akhir tahun 1995 kepada RM29,796 juta pada akhir bulan Ogos 1996, berbanding dengan 2.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Sistem kawalan dua kumpulan yang telah diperkenalkan kepada bank perdagangan dalam bulan Disember 1994 telah diperluaskan bagi meliputi bank saudagar, berkuatkuasa mulai Januari 1996. Bank saudagar yang memenuhi kriteria penarafan dari segi modal, aset,

pengurusan, perolehan dan kecairan (CAMEL), memiliki dana pemegang saham minimum sebanyak RM250 juta dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti berasaskan fi akan diklasifikasikan sebagai institusi Kumpulan-1. Sebagai institusi Kumpulan-1, bank saudagar dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut, tertakluk kepada garis panduan berhemat BNM:

- (i) kegiatan pertukaran mata wang asing bagi akaun mereka sendiri dan menawarkan perkhidmatan pertukaran asing kepada pelanggan yang layak;
- (ii) mengambil bahagian dalam pasaran derivatif tempatan dan antarabangsa;
- (iii) melabur dalam saham bukan amanah yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) serta di bursa saham negara-negara ASEAN tertakluk kepada tahap yang telah ditetapkan;
- (iv) menerima simpanan tetap daripada individu-individu, tertakluk kepada jumlah minimum RM1 juta;
- (v) mengeluarkan IDB sehingga lima kali ganda dana modal mereka; dan
- (vi) memperluaskan operasi mereka di luar negara melalui penubuhan cawangan, anak syarikat ataupun syarikat usahasama.

Pada akhir bulan Ogos 1996, terdapat empat buah bank saudagar yang telah diberi status sebagai institusi Kumpulan-1.

Syarikat Diskaun

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, operasi syarikat diskaun meningkat dengan ketara selaras dengan pengembangan aktiviti ekonomi. **Jumlah sumber** syarikat diskaun meningkat sebanyak 20.9% daripada akhir tahun 1995 kepada RM15,504 juta pada akhir bulan Julai 1996, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 19.2% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan **deposit** (termasuk repo) yang digerakkan oleh syarikat diskaun sebanyak RM2,559 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 kepada RM14,770 juta pada akhir bulan Julai 1996 (Januari-Julai 1995: RM1,661 juta). Deposit baru ini disumbangkan oleh bank perdagangan (RM1,669 juta atau 65.2% daripada jumlah deposit baru) dan perusahaan perniagaan (RM866 juta atau

33.8%), manakala badan berkanun serta institusi kewangan lain mencatatkan peningkatan kecil sebanyak RM62 juta dan RM9 juta dalam tempoh tersebut.

Jumlah pelaburan syarikat diskaun meningkat dengan ketara sebanyak 30.4% daripada akhir tahun 1995 kepada RM14,838 juta pada akhir bulan Julai 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 16.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Dari segi komponen, pelaburan dalam PDS meningkat dengan ketara sebanyak 78.1% kepada RM7,816 juta (Januari-Julai 1995: RM556 juta), manakala pelaburan dalam BAs meningkat sebanyak 3.1% kepada RM5,261 juta (Januari-Julai 1995: RM917 juta). Walau bagaimanapun, pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) terus merosot sebanyak 6.9% disebabkan oleh peralihan kepada instrumen-instrumen berpulangan tinggi seperti PDS dan BAs (berkurangan sebanyak 51.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Sebaliknya, pelaburan dalam IDB dan bon Cagamas meningkat dengan ketara sebanyak 19.3% dan 29.1% kepada RM340 juta dan RM590 juta, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 20.3% dan 32.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Jumlah urusan niaga sekunder syarikat diskaun dalam pelbagai jenis instrumen meningkat dengan ketara kepada RM78,930 juta, berbanding dengan RM54,307 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Jumlah belian dan jualan PDS dan BAs meningkat dengan ketara sebanyak RM30,794 juta dan RM26,146 juta, manakala MGS pula meningkat kepada RM7,082 juta. Begitu juga dengan jumlah urusan niaga dalam BNBs (termasuk sijil) yang meningkat sedikit kepada RM8,320 juta, berbanding dengan RM8,008 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Walau bagaimanapun, jumlah nilai urusan niaga kedua-dua bon Cagamas dan bil Perbendaharaan merosot sebanyak RM4,072 juta dan RM2,116 juta kepada RM1,931 juta dan RM4,196 juta (RM6,003 juta dan RM6,312 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995).

Bagi menggalakkan satu sistem peniaga yang lebih dinamik dan berasaskan prestasi, BNM telah mengkaji semula sistem Peniaga Utama yang digunakan pada masa ini. Dalam bulan Januari 1996, BNM telah memberi status peniaga utama kepada hanya tiga buah syarikat diskaun berbanding dengan kesemua tujuh buah syarikat

diskaun sebelum ini. Dalam tahun 1996 juga, BNM telah memberi kelulusan kepada syarikat diskaun untuk menceburi pasaran hadapan.

Institusi-institusi Pembiayaan Pembangunan

Lima institusi pembiayaan pembangunan (IPP) yang ditubuhkan oleh Kerajaan khas untuk mengkhusus dalam menyediakan pinjaman jangka sederhana dan panjang bagi membiayai pelaburan modal industri-industri baru serta usahawan dalam sektor perindustrian ialah Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad (MIDF), Bank Industri Malaysia Berhad (Bank Industri), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pembangunan Sabah Berhad (SDB) dan Bank Pertanian Malaysia (Bank Pertanian). Sebuah lagi institusi pembiayaan perindustrian, iaitu Bank Eksport-Import Malaysia Berhad telah ditubuhkan dalam bulan Ogos 1995 untuk membiayai dan menggalakkan perdagangan antarabangsa serta memudahkan eksport barangan dan perkhidmatan dari Malaysia dengan cara kredit eksport, pembiayaan pelaburan modal dan pembekalan maklumat perniagaan dan perkhidmatan. Jumlah sumber IPP meningkat sebanyak 5.7% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996 kepada RM10,708 juta berbanding dengan 13.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Prestasi IPP dari segi jumlah sumbernya berbeza-beza. Mencerminkan peningkatan ketara jumlah deposit (136.5%), jumlah sumber SDB meningkat sebanyak 23.9% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996 kepada RM1,255 juta, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.6 (Januari-Jun 1995: 22.9%). Jumlah sumber kedua-dua MIDF dan Bank Industri pula meningkat sebanyak 20.0% dan 10.2% kepada RM2,006 juta dan RM1,627 juta pada akhir bulan Jun 1996, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 2.2% dan 4.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga dengan jumlah sumber Bank Pertanian yang meningkat sedikit, iaitu 0.9% daripada akhir tahun 1995 kepada RM4,013 juta pada akhir bulan Jun 1996 (peningkatan sebanyak 33.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995). Walau bagaimanapun, jumlah sumber Bank Pembangunan terus merosot iaitu sebanyak 9.4% kepada RM1,807 juta, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 7.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Jadual 9.6**Institusi Pembiayaan Pembangunan
(pada akhir tempoh)**

<i>Institusi</i>	<i>1995</i>	<i>Jun 1996</i>
Jumlah Sumber¹ (RM juta)		
Bank Pertanian Malaysia	3,976	4,013
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	1,994	1,807
Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd.	1,672	2,006
Bank Industri Malaysia Bhd.	1,476	1,627
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	1,013	1,255
Kadar Faedah Purata (%)		
Bank Pertanian Malaysia		
Kadar konsesi	4.00	4.00
Kadar komersil	0-4 melebihi BLR ²	0.4 melebihi BLR ²
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	6.55	6.89
Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd.	8.15	8.30
Bank Industri Malaysia Bhd.		
Pembaikan kapal	6.00	6.00
Pembinaan kapal	7.75-9.00	7.75-9.00
Infrastruktur limbungan	9.00	9.00
Skim pembiayaan semula kredit eksport	5.00-9.00	5.00-9.00
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	melebihi 9.00	melebihi 9.00

¹ Termasuk dana pemegang saham, pinjaman jangka pendek dan panjang serta deposit.

² Kadar Pemberian Pinjaman Asas.

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Berhad.

Jumlah pinjaman baru yang dikeluarkan oleh IPP merosot sebanyak 13.7% kepada RM1,922 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan RM2,227 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.7. Dari segi pemberian pinjaman mengikut sektor, peningkatan ketara dicatatkan oleh sektor pertanian iaitu sebanyak 27.3% kepada RM527 juta daripada RM414 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan dan kuari mencatatkan kemerosotan sebanyak 33.3% kepada RM12 juta jika dibandingkan dengan RM18 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995, manakala sektor-sektor lain (termasuk kredit perdagangan dan sektor lain-lain) merosot sebanyak 28.6% kepada RM439 juta (Januari-Jun 1995: RM615 juta). Begitu juga dengan sektor hartanah dan pembinaan yang mencatatkan penyusutan sebanyak 23.8% kepada RM240 juta (separuh pertama tahun 1995: RM315 juta), manakala kedua-dua sektor perkilangan dan industri perkapalan merosot sebanyak 23.6% dan 6.1% kepada RM472 juta dan RM232 juta (Januari-Jun 1995: RM618 juta dan RM247 juta). Sebahagian besar daripada pinjaman baru ini disalurkan kepada sektor pertanian (27.4%) dengan Bank Pertanian dan SDB masing-masing menyumbang sebanyak 94.3% dan 5.7%, manakala 24.6% disalurkan kepada sektor perkilangan dan 22.8% kepada sektor-sektor lain.

Sebagaimana dalam tahun-tahun yang lepas, aktiviti pemberian pinjaman IPP berbeza-beza. Pinjaman baru yang diluluskan oleh Bank Pertanian meningkat sebanyak 25.5% kepada RM496.9 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996 (Januari-Jun 1995: RM395.8 juta), manakala kredit yang diluluskan oleh SDB meningkat sebanyak 19.6% kepada RM410.5 juta (Januari-Jun 1995: RM343.2 juta). Walau bagaimanapun, pinjaman yang diluluskan oleh MIDF merosot dengan ketara iaitu sebanyak 40.5% kepada RM334.1 juta daripada RM561.4 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga dengan jumlah pinjaman Bank Industri yang merosot sebanyak 37.3% kepada RM261.6 juta (Januari-Jun 1995: RM417.2 juta), manakala pinjaman baru yang diluluskan oleh Bank Pembangunan susut sebanyak 17.9% kepada RM418.0 juta (Januari-Jun 1995: RM509.1 juta). Justeru itu, jumlah pinjaman keseluruhan IPP bernilai RM6,123.3 juta pada akhir bulan Jun 1996, berbanding dengan RM5,367.8 juta pada akhir tahun 1995. Kadar faedah purata yang

Jadual 9.7

Haluan Pemberian Pinjaman oleh IPP

	1995	1996 ^a	Perubahan Dalam Jangka Masa %
	(Januari-Jun) RM juta		
Perkilangan	618	472	-23.6
Perkapalan	247	232	-6.1
Pertanian	414	527	27.3
Hartanah dan pembinaan	315	240	-23.8
Perlombongan dan kuari	18	12	-33.3
Lain-lain	615	439	-28.6
JUMLAH	2,227	1,922	-13.7

^a Data awalan

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Berhad.

dikenakan oleh IPP berbeza-beza di antara lingkungan 4.00% hingga 10.00% setahun, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.6.

IPP terus memainkan peranan sebagai agensi pelaksana dalam menyalurkan pelbagai skim bantuan khusus seperti **Tabung Penyelarasan Perindustrian (TPP)**, **Tabung Pemulihan Usahawan (TPU)** dan **Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun (AJDF)**. TPP yang telah dilancarkan pada 5 Februari 1991 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM500 juta bertujuan untuk merasionalisasi dan menyusun semula syarikat-syarikat yang wujud sebelum 31 Disember 1990 dalam tiga industri terpilih, iaitu mesin dan kejuruteraan, industri berasaskan kayu-kayan serta industri tekstil melalui pergabungan, pengambilalihan, penempatan semula dan pelbagaian. Memandangkan tiada permohonan baru yang diluluskan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, jumlah bilangan permohonan yang diluluskan pada akhir bulan Julai 1996 kekal pada tahap akhir tahun 1995 (18 permohonan

dengan nilai agregat sebanyak RM66.0 juta). Sementara itu, sejumlah RM53.8 juta telahpun dikeluarkan pada 31 Julai 1996.

TPU yang telah ditubuhkan dalam tahun 1988 bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaya maju tetapi mengalami masalah berikutan kemelesetan ekonomi tahun 1985/86. Walaupun bilangan permohonan yang diluluskan telah berkurangan sebanyak tiga permohonan, jumlah nilai yang diluluskan meningkat sebanyak RM60,519 dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (satu permohonan bernilai RM2.4 juta telah diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1995). Oleh yang demikian, pada akhir bulan Julai 1996, sebanyak 236 permohonan bernilai RM642.9 juta telah diluluskan, manakala jumlah pengeluaran bernilai RM589.7 juta. Sebahagian besar daripada pinjaman ini disalurkan untuk membiayai sektor perumahan (RM417.7 juta), diikuti oleh sektor pembinaan (RM92.3 juta), sektor hartanah (RM77.6 juta) dan sektor perkilangan (RM39.4 juta).

AJDF yang ditubuhkan dengan tujuan memajukan industri-industri kecil dan sederhana masih lagi berada di bawah pengurusan Bank Pertanian, Bank Industri, Bank Pembangunan dan MIDF. Dana pusingan ini telah dilancarkan dalam tahun 1989 dengan dana asalnya disumbangkan oleh Tabung Kerjasama Ekonomi Seberang Laut (OECF) dan Bank Eksport-Import Jepun (EXIM). Agensi pelaksana IPP ini telah meluluskan sejumlah RM158.5 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, walaupun bilangan permohonan yang diluluskan merosot sebanyak 254 (Januari-Jun 1995: 78 permohonan bernilai RM143 juta telah diluluskan). Pada 30 Jun 1996, jumlah pinjaman yang diluluskan bernilai RM1,706.3 juta bagi 4,097 buah projek. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1,329.4 juta (77.9%) disediakan oleh OECF, manakala bakinya (RM376.9 juta) daripada EXIM.

Dana-dana lain yang dilaksanakan bersama oleh bank perdagangan, bank saudagar dan IPP juga terus menyumbang kepada tabung bantuan khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan di bawah pentadbiran BNM. **Tabung Khas Pelancongan** yang ditubuhkan dengan peruntukan permulaan RM120 juta dalam bulan Mac 1990 untuk membiayai pembangunan projek-projek pelancongan. Ia telah ditambah kepada RM200 juta dan ditukarkan kepada tabung pusingan berkuatkuasa mulai 16 November 1993,

memandangkan sambutan yang agak memberangsangkan terhadap tabung tersebut. Ini membolehkan peruntukan tabung itu digunakan sepenuhnya dalam tempoh masa kajian. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, enam permohonan bernilai RM8.0 juta telah diluluskan, berbanding dengan 17 permohonan bernilai RM85.5 juta dalam tempoh masa yang sama tahun 1995. Dengan itu, sebanyak 188 permohonan bernilai RM213.5 juta telah diterima pada akhir bulan Julai 1996, dengan RM157.6 juta telahpun dikeluarkan dari tabung itu. Sebahagian besar (88.7%) daripada permohonan yang diluluskan adalah untuk pembinaan dan pengubahsuaian hotel murah dan chalet.

Tabung Usahawan Baru (TUB) dilancarkan pada bulan Disember 1989 dengan peruntukan permulaan sebanyak RM250 juta bagi menggalakkan penglibatan aktif lebih ramai lagi usahawan kecil dan sederhana Bumiputera dalam pelbagai bidang perniagaan. Tabung ini juga telah ditambah kepada RM750 juta dan ditukarkan kepada tabung pusingan. Agensi-agensi pelaksana Dana ini termasuk Bank Pembangunan, Bank Industri, MIDF dan 11 buah bank perdagangan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, dana ini telahpun digunakan sepenuhnya dengan 124 permohonan baru bernilai RM86.9 juta (Januari-Julai 1995: 147 permohonan bernilai RM89.1 juta). Pada akhir bulan Julai 1996, sejumlah 1,963 permohonan bernilai RM919.0 juta telah diluluskan, di mana RM806.9 juta telahpun dikeluarkan.

Di bawah **Skim Tabung Untuk Makanan**, sejumlah 360 permohonan bernilai RM31.4 juta telah diluluskan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan 229 permohonan bernilai RM56.3 juta dalam tempoh masa yang sama tahun 1995. Ini membawa bilangan permohonan yang diluluskan setakat akhir bulan Julai 1996 kepada 1,020 dengan jumlah nilai sebanyak RM290.4 juta, di mana RM240.5 juta telahpun dikeluarkan. Sebahagian besar daripada permohonan yang diluluskan bagi penternakan binatang (RM162.0 juta), diikuti oleh penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran (RM52.6 juta) dan pemerosesan makanan (RM32.1 juta). Baru-baru ini, Kerajaan telahpun meluluskan tambahan sebanyak RM300 juta kepada peruntukan sekarang, sebanyak RM300 juta dan pada masa ini BNM sedang dalam proses merangka garis panduan dan kriteria kelayakan bagi dana tambahan ini.

Institusi-institusi Kewangan Lain

Bank Simpanan Nasional

Jumlah sumber Bank Simpanan Nasional (BSN) terus berkembang sejajar dengan pengembangan aktiviti-aktivitinya. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, jumlah sumber BSN meningkat sebanyak 8.4% atau RM512 juta kepada RM6,584 juta berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 4.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan deposit, khususnya kedua-dua deposit jangka panjang dan pendek, yang meningkat dengan ketara sebanyak 70.6% dalam tempoh tersebut kepada RM974 juta (Januari-Jun 1995: 7.2%).

Deposit baru (termasuk sijil simpanan premium) yang diterima oleh BSN meningkat sebanyak RM2,268 juta kepada RM11,134 juta, berbanding dengan RM8,866 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pada masa yang sama, jumlah pengeluaran juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM2,014 juta kepada RM10,811 juta (Januari-Jun 1995: RM8,797 juta). Dengan ini, deposit bersih meningkat kepada RM323 juta (RM69 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995), mencerminkan peningkatan kadar deposit yang menarik lebih banyak deposit dalam tempoh tersebut.

Skim Simpanan **GIRO** masih kekal sebagai produk utama BSN, iaitu sebanyak RM9,870 juta atau 88.6% daripada jumlah deposit baru yang diterima oleh BSN dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 (Januari-Jun 1995: RM7,791 juta). Ini adalah terutamanya disebabkan oleh pengenalan pelbagai kemudahan perkhidmatan seperti arahan tetap, bayaran bil, pindahan wang, kredit gaji dan kemudahan mesin juruwang automatik (ATM). Begitu juga dengan jumlah pengeluaran skim ini yang meningkat dengan ketara sebanyak RM9,704 juta berbanding dengan RM7,718 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Oleh itu, jumlah deposit bersih yang digerakkan oleh BSN di bawah skim ini secara relatifnya lebih tinggi iaitu sebanyak RM166 juta, berbanding dengan RM73 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Perkhidmatan Arahan Giro Terjamin (GGO) yang berfungsi seperti Arahan Juruwang yang diperkenalkan dalam tahun 1993 bagi tujuan pembelian terbitan saham baru juga telah dilanjutkan kepada rumah terbitan kedua,

Jadual 9.8
Bank Simpanan Nasional
(pada akhir tempoh)

	1995	1996 ^a
Deposit ¹ (RM juta)		
Simpanan	1,734	1,704
Tetap	914	1,008
Simpan Dari Pendapatan	22	22
GIRO	2,134	2,300
Sijil Simpanan Premium	356	449
Pelaburan pada nilai buku (RM juta)		
MGS	2,109	2,066
Stok dan saham ²	1,265	1,291
Pelbagai ³	571	974
Pinjaman (RM juta)	1,096	1,200
Individu	742	676
Korporat	150	160
Kad Visa	11	17
Sewa-Beli	193	347
Bilangan cawangan BSN ⁴	479	479
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	606	611
Bilangan Penyimpan ('000)	9,305	9,706
Simpanan	4,090	4,117
Tetap	79	90
Simpan Dari Pendapatan	22	22
GIRO	5,114	5,477

¹ Termasuk faedah yang dikreditkan.

² Termasuk saham amanah dan bukan amanah, sekuriti hutang swasta dan waran.

³ Termasuk deposit jangka panjang dan pendek.

⁴ Termasuk cawangan mini dan kecil.

^a Data awalan.

Sumber: Bank Simpanan Nasional.

iaitu Malaysia Issuing House. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1996, sejumlah 144,574 GGO bernilai RM453 juta telah dikeluarkan (Januari-Jun 1995: 89,627 GGO bernilai RM303 juta).

Mencerminkan kadar faedah BSN yang setanding dengan kadar faedah pasaran, deposit baru BSN yang diterima di bawah skim deposit tetap telah meningkat sebanyak RM70 juta kepada RM312 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 daripada RM242 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pada masa yang sama, pengeluaran adalah bernilai RM217 juta berbanding dengan RM263 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Oleh itu, skim deposit tetap mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM94 juta, berbanding dengan aliran keluar bersih sebanyak RM21 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga dengan jumlah **deposit tabungan** yang mencatatkan peningkatan sebanyak RM20 juta kepada RM753 juta (6.8% daripada jumlah deposit baru) dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 daripada RM733 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995, manakala pengeluaran meningkat 6.5% kepada RM783 juta (Januari-Jun 1995: RM735 juta). Dengan ini, skim deposit tabungan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM30 juta berbanding dengan aliran keluar bersih sebanyak RM2 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sementara itu, skim Simpan Dari Pendapatan terus mencatatkan lebihan pengeluaran bersih iaitu sebanyak RM0.8 juta (Januari-Jun 1995 : RM0.7 juta) oleh kerana deposit menurun kepada RM8.2 juta berbanding dengan pengeluaran yang berjumlah RM9 juta. Walau bagaimanapun, skim sijil simpanan premium mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM93 juta (Januari-Jun 1995 : RM20 juta), berikutan peningkatan pembelian sijil premium sebanyak RM191 juta berbanding dengan peningkatan dalam pengeluaran sebanyak RM98 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1996.

Sejajar dengan pertumbuhan jumlah sumber BSN, **pelaburan** meningkat sebanyak 2.1% dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 kepada RM3,864 juta berbanding dengan 1.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh pertambahan pelaburan dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan (merangkumi MGS, bon Cagamas dan bil Perbendaharaan) sebanyak 2.1% daripada akhir

tahun 1995 kepada RM2,572 juta pada akhir bulan Jun 1996 (Januari-Jun 1995 : 5.2%). MGS mewakili 80.3% daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Deposit jangka pendek dan panjang yang disimpan dalam sistem perbankan meningkat dengan ketara sebanyak 70.6% dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 kepada RM974 juta, manakala pelaburan BSN dalam stok dan saham pula meningkat sebanyak 2.1% kepada RM1,291 juta (kemerosotan sebanyak 8.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995).

Aktiviti pemberian pinjaman BSN mencatatkan peningkatan yang lebih kecil iaitu sebanyak RM104 juta (9.5%) dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 kepada RM1,200 juta pada akhir bulan Jun 1996, berbanding dengan RM122 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Walau bagaimanapun, pinjaman yang disalurkan kepada individu merosot sebanyak RM66 juta, berikutan pinjaman yang dibayar lebih awal ataupun matang dalam tempoh tersebut. Sebaliknya, kredit yang diluluskan untuk Kad Visa dan sewa-beli meningkat dengan ketara sebanyak 54.5% dan 79.8%, manakala pinjaman yang disalurkan kepada sektor korporat meningkat sebanyak 6.7%.

Sebagai sebahagian daripada program pengembangan BSN, ia telah menubuhkan sebanyak tujuh buah lagi pejabat cawangan dan memasang empat buah ATM. Pada akhir bulan Jun 1996, BSN mempunyai sejumlah 479 pejabat cawangan dengan 588 buah ATM di seluruh negara. Selaras dengan matlamatnya untuk menyediakan produk yang lebih baik dan meluas, BSN dijangka menerokai perniagaan broker saham pada penghujung tahun ini berikutan dengan pemberian lesen baru oleh BNM.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Empat kumpulan wang simpanan dan pencen yang utama, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Tabung Angkatan Tentera (TAT) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) terus mengembangkan aktiviti mereka dan menyediakan sumber kewangan jangka-panjang terbesar dalam membiayai projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh sektor awam. Dalam separuh pertama tahun 1996, jumlah sumber daripada keempat-empat tabung ini telah meningkat

sebanyak 8.2% daripada RM112.5 bilion kepada RM121.7 bilion (Januari-Jun 1995: 8.3%), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.9.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kekal sebagai kumpulan wang simpanan dan pencen terbesar di negara ini. Jumlah sumber KWSP meningkat sebanyak 7.7% dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 kepada RM106.3 bilion (Januari-Jun 1995: 7.7%). Ini disebabkan terutamanya oleh pertambahan jumlah pencarum di samping pulangan yang lebih tinggi daripada pelaburannya. Jumlah pencarum KWSP meningkat seramai 166,524 orang kepada 7,922,785 orang pada akhir bulan Jun 1996 daripada 7,756,261 orang pada akhir tahun 1995. Mencerminkan pertambahan ini, caruman kasar KWSP telah meningkat sebanyak RM6.3 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1996, berbanding dengan RM5.2 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pada masa yang sama, jumlah pengeluaran bernilai RM1.8 bilion (Januari-Jun 1995: RM1.6 bilion). Oleh itu, jumlah caruman bersih kepada KWSP meningkat sebanyak 25.0% kepada RM4.5 bilion, berbanding dengan pertambahan sebanyak RM3.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Jumlah baki akaun pencarum (termasuk faedah) meningkat sebanyak 4.6% daripada RM97.5 bilion pada akhir tahun 1995 kepada RM102.1 bilion pada akhir bulan Jun 1996 (Januari-Jun 1995: 4.2%).

Sejajar dengan peningkatan jumlah sumber (RM7.6 bilion), jumlah pelaburan KWSP telah berkembang sebanyak 7.4% daripada akhir tahun 1995 kepada RM103.8 bilion pada akhir bulan Jun 1996 (Januari-Jun 1995: 7.7%), mewakili 97.6% daripada jumlah sumber. Jumlah pegangan KWSP dalam MGS terus merosot sebanyak 0.4% kepada RM39.0 bilion pada akhir bulan Jun 1996, berbanding dengan penyusutan sebanyak 0.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Dengan ini, pelaburan dalam MGS hanya merupakan 37.6% daripada jumlah pelaburan keseluruhan KWSP berbanding dengan bahagian sebanyak 41.0% pada akhir tahun 1995, iaitu masih di bawah paras keperluan wajib pelaburan terkumpulnya dalam MGS sebanyak 50% (70% dalam tahun 1994). Ini disebabkan terutamanya oleh kekurangan kertas-kertas Kerajaan yang berpunca daripada pengurangan pinjaman Kerajaan memandangkan kedudukan kewangannya yang bertambah kukuh.

Jadual 9.9

Kumpulan Wang Simpanan Dan Pencen
(pada akhir tempoh)

	Jumlah Sumber Malaysia (RM juta)		Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM juta)		Bilangan Ahli ('000)	
	1995	Jun 1996 ^a	1995	Jun 1996 ^a	1995	Jun 1996 ^a
KWSP	98,715	106,314	39,150	38,977	7,756	7,923
PERKESO	4,478	4,741	2,310	2,330	7,422	7,589
TAT	3,520	3,587	10	10	99	99
KWAP	5,805	7,059	0	0	—	—
JUMLAH	112,518	121,701	41,470	41,317	15,277	15,611

^a Data awalan.

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Walau bagaimanapun, pelaburan KWSP dalam pinjaman dan debentur (termasuk nota jaminan) telah meningkat sebanyak 10.0% daripada RM7.5 bilion pada akhir tahun 1995 kepada RM8.2 bilion pada akhir bulan Jun 1996 (Januari-Jun 1995: 13.5%). Begitu juga dengan pelaburan dalam sekuriti korporat yang telah meningkat sebanyak 21.3% kepada RM25.7 bilion dalam tempoh yang sama (separuh pertama tahun 1995: 18.9%), sejajar dengan matlamat KWSP untuk mengurangkan pergantungannya ke atas hasil faedah dengan mempelbagaikan pelaburannya dalam pelaburan yang berpulangan tinggi. Selaras dengan ini, pelaburan dalam IDB, deposit tetap dan deposit jangka pendek telah menurun dengan ketara sebanyak 15.9% kepada RM25.9 bilion pada akhir bulan Jun 1996 berbanding peningkatan sebanyak 41.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Pada 5 Febuari 1996, KWSP telah dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam pembinaan rumah kos rendah dan sederhana melalui anak syarikatnya, iaitu Malaysian Building Society Berhad dalam usaha mengatasi masalah kekurangan rumah kos rendah dan mengawal kenaikan harga bagi rumah jenis tersebut. Menteri Kewangan juga telah mengumumkan bahawa

pencarum KWSP akan dibenarkan melabur sehingga 20% daripada caruman mereka dalam unit amanah mulai tahun 1997. Skim pelaburan ini boleh disertai oleh pencarum di bawah usia 55 tahun dengan caruman bernilai lebih daripada RM50,000 dalam Akaun Pertama yang mewakili 60% daripada jumlah pelaburan keseluruhan. Di samping itu, rancangan ini tidak akan melibatkan pemindahan tunai memandangkan pihak KWSP sendiri yang akan menyalurkan dana pencarum secara langsung kepada pengurus-pengurus unit amanah yang terpilih.

Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) yang telah ditubuhkan pada 1 Jun 1991 di bawah Akta Tabung Amanah Pencen 1991, dengan tujuan membangunkan tabungan pembiayaan sendiri bagi mengambilalih tanggungjawab Kerajaan untuk memenuhi kos bayaran pencen, gratuity dan lain-lain faedah pencen kepada kakitangan awam yang bersara. Sumber utama dana ini diperolehi daripada sumbangan tahunan Kerajaan, iaitu pada mulanya ditetapkan sebanyak 5% dari bayaran emolumen tahunan perkhidmatan awam. Ia juga diperolehi daripada caruman bulanan yang dilakukan oleh majikan di bawah Akta Pencen Badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan 1980, bayaran balik

caruman majikan kepada KWSP dan lain-lain kumpulan wang yang diluluskan untuk persaraan pegawai awam, pendapatan daripada pelaburan dan sumber-sumber lain yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Dalam enam bulan pertama tahun 1996, jumlah sumber KWAP meningkat sebanyak 21.6% kepada RM7,059 juta (Januari-Jun 1995: 25.2%). Sebahagian besar (70.0%) daripada jumlah sumber keseluruhan disalurkan ke dalam pelaburan, manakala selebihnya (30.0%) terdiri daripada wang tunai dan baki yang ditempatkan dalam sistem perbankan (termasuk BNM).

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk menyediakan faedah keselamatan sosial kepada pekerja melalui skim Bencana Pekerjaan dan skim Pencen Ilat. Jumlah sumber PERKESO meningkat sebanyak 5.9% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996 kepada RM4,741 juta (Januari-Jun 1995: 5.8%), sejajar dengan pengembangan dalam pelaburannya serta jumlah sumbangan bersih pencarum. Sebahagian besar atau 49.2% daripada jumlah sumber keseluruhan adalah dilaburkan dalam MGS, manakala 35.4% disimpan dengan sistem perbankan dan 9.6% dilaburkan dalam sekuriti korporat. Pada 30 Jun 1996, jumlah pekerja berdaftar adalah seramai 7,589,288 orang, iaitu peningkatan seramai 167,097 orang daripada akhir tahun 1995 (Disember 1995: 7,422,191 orang).

Tabung Angkatan Tentera (TAT) telah ditubuhkan pada tahun 1973 untuk menyediakan faedah persaraan kepada anggota perkhidmatan tentera. Jumlah sumber TAT telah meningkat sebanyak RM66.6 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 kepada RM3,587 juta (Januari-Jun 1995: RM106.8 juta). Ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan marginal dalam pulangan pelaburannya dan kemerosotan dalam baki pencarumnya (termasuk faedah). Memandangkan keahlian TAT telah merosot sedikit iaitu 0.1% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, jumlah baki pencarum telah menyusut sebanyak 2.4% daripada RM2,907 juta kepada RM2,836 juta. Memandangkan bilangan anggota yang bersara melebihi anggota baru, keahlian TAT telah merosot daripada 99,300 orang kepada 99,250 orang. TAT melaburkan 81.9% daripada jumlah sumber keseluruhannya dalam sekuriti korporat (RM2,938 juta), manakala 14.6% disimpan

dengan sistem perbankan (RM523 juta). Walau bagaimanapun, pelaburan dalam MGS kekal tidak berubah pada RM10 juta pada akhir bulan Jun 1996.

Syarikat Insurans

Sejajar dengan prestasi ekonomi negara, **industri insurans** terus mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam tahun 1995. Jumlah pendapatan premium kedua-dua insurans nyawa dan am meningkat pada kadar yang sama seperti dalam tahun 1994, iaitu sebanyak 22.0% kepada RM7.9 bilion pada akhir tahun 1995. Pendapatan premium industri sebagai peratusan daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal terus meningkat 3.9% dalam tahun 1995, berbanding dengan 3.7% dalam tahun 1994. Jumlah faedah dan tuntutan bersih yang dibayar oleh industri meningkat sebanyak 14.0% dalam tahun 1995 kepada RM2.2 bilion pada akhir tahun 1995 (1994: 10.1%), merangkumi 28.3% daripada pendapatan premium (1994: 30.3%). Dana aset industri insurans pula meningkat sebanyak 19.7% dalam tahun 1995 kepada RM25.0 bilion pada akhir tahun 1995 (1994: RM20.9 bilion), iaitu mewakili 3.4% daripada jumlah aset sistem kewangan (1994: 3.3%).

Perniagaan **insurans nyawa** berkembang, walaupun pada tahap yang sederhana, dalam tahun-tahun 1995. Bilangan polisi baru yang dikeluarkan meningkat sebanyak 9.0% kepada 1,029,459 unit dalam tahun 1995 (1994: 17.1%). Dengan ini, jumlah bilangan polisi yang dikeluarkan sehingga akhir tahun 1995 adalah sebanyak 5,363,584 unit. Justeru itu, premium baru meningkat sebanyak 23.4% kepada RM1,491.9 juta (1994: 28.0%), manakala jumlah baru yang diinsuranskan bertambah sebanyak 19.6% kepada RM75,300.8 juta (1994: 38.1%), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.10. Jumlah aset sektor insurans nyawa meningkat lagi sebanyak 17.0% kepada RM17,383.8 juta (1994: 22.6%), merangkumi 69.5% daripada jumlah aset dana industri insurans dan 2.4% daripada jumlah aset sistem kewangan (1994: 2.4%). Dari segi pelaburan, dana insurans nyawa telah dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan dan pinjaman jaminan Kerajaan (26.9%), sekuriti korporat (23.8%), pinjaman (20.4%) serta wang tunai dan deposit (20.1%), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.11.

Jadual 9.10

Perniagaan Insurans Nyawa dan Am

	1994	1995 ^a
Insurans Nyawa (RM juta)		
Perniagaan Baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	944.7	1,029.5
Jumlah diinsuranskan	62,937.0	75,300.8
Jumlah premium	1,208.7	1,491.9
Perniagaan Berkuatkuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	4,331.6	4,950.4
Jumlah diinsuranskan	197,268.4	242,728.8
Premium tahunan	3,697.1	4,574.1
Pendapatan Premium	3,653.7	4,512.0
Pembayaran Faedah:		
Jumlah	915.8	1,068.5
Kematangan	330.4	379.6
Kematian dan hilang upaya	347.1	419.4
Penyerahan	176.0	191.5
Bonus tunai	62.1	77.7
Anuiti	0.2	0.3
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan Premium:		
Diurusniagakan	3,940.7	4,641.7
Bersih	2,847.3	3,419.7
Insurans semula di luar Malaysia	1,093.4	1,222.0
Nisbah Pembendungan (%)	72.3	73.7
Bilangan Syarikat Insurans		
Langsung:		
Nyawa	5	5
Am	40	40
Campuran	13	13
Insurans semula	3	4

^a Data awalan.

Sumber: Ketua Pengarah Insurans.

Jadual 9.11

**Kumpulan Wang Insurans Nyawa dan Am
(pada akhir tempoh)**

	<i>Insurans Nyawa (RM juta)</i>		<i>Insurans Am (RM juta)</i>	
	1994	1995 ^a	1994	1995 ^a
Aset tetap	92.7	109.1	236.4	269.4
Pinjaman	2,807.2	3,537.0	103.9	155.9
Sekuriti Kerajaan ¹	3,986.7	4,345.3	1,664.4	2,074.7
Pinjaman Jaminan Kerajaan	409.0	338.6	72.0	59.5
Sekuriti Korporat	3,114.0	4,139.3	885.8	1,129.6
Hartanah	683.5	800.7	39.8	38.2
Wang tunai dan deposit	3,271.3	3,496.3	2,256.8	3,027.0
Lain-lain aset	497.8	617.5	783.8	880.5
JUMLAH	14,862.2	17,383.8	6,042.9	7,634.8

^a Data awalan.

¹ Termasuk bil Perbendaharaan dan Sekuriti Kerajaan yang dikeluarkan di luar negeri.

Sumber: Ketua Pengarah Insurans.

Mencerminkan lonjakan aktiviti ekonomi, prestasi **insurans am** bertambah baik dalam tahun 1995. Jumlah premium yang mengurusniagakan meningkat sebanyak 17.8% kepada RM4,641.7 juta dalam tahun 1995 daripada RM3,940.7 juta yang dicatatkan dalam tahun 1994. Sebanyak RM1,220.0 juta merupakan jumlah yang telah diinsuranskan semula di luar Malaysia. Dengan ini, nisbah pembendungan bersih mencatatkan 73.7% dalam tahun 1995 (1994: 72.3%). Jumlah aset dana insurans am meningkat sebanyak 26.3% kepada RM7,634.8 juta pada akhir tahun 1995 daripada RM6,042.9 juta pada akhir tahun 1994. Wang tunai dan deposit masih merupakan bahagian besar portfolio pelaburan industri (RM3,027.0 juta), diikuti oleh pelaburan dalam sekuriti Kerajaan dan sekuriti korporat yang masing-masing bernilai RM2,074.7 juta dan RM1,129.6 juta.

Jadual 9.12**Perniagaan Takaful Keluarga dan Am**

	<i>Tahun Kewangan 1995</i>	<i>Tahun Kewangan 1996^a</i>
Aset (RM juta)		
Sijil Pelaburan Malaysia	69.5	80.8
Pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Bhd.	62.9	49.2
Lain-lain ¹	83.4	234.3
Takaful Keluarga		
Perniagaan Baru:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	26.1	66.7
Jumlah penyertaan: (RM juta)	1,433.6	1,920.2
Bilangan sijil	30,952	41,170
Perniagaan Berkuatkuasa:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	37.0	93.9
Jumlah penyertaan (RM juta)	2,788.1	4,280.9
Bilangan sijil	55,035	76,452
Perniagaan Takaful Am		
Caruman kasar	58.4	67.9
Tuntutan pembayaran bersih	27.4	15.4

^a Data awalan.¹ Termasuk saham, wang tunai dan baki serta aset lain.*Sumber:* Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan MNI Takaful Sdn. Berhad.

Industri insurans dijangka mengekalkan tahap pertumbuhannya dalam tahun 1996. Data awalan bagi separuh pertama tahun 1996 menunjukkan bahawa pendapatan premium industri meningkat sebanyak 19.0% kepada RM4,176.7 juta, berbanding dengan 20.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga dengan jumlah aset kedua-dua sektor insurans nyawa dan am

yang meningkat sebanyak 10.9% kepada RM27,344.8 juta dalam tempoh tersebut (Disember 1995: RM25,018.6 juta). Walau bagaimanapun, industri insurans nyawa dijangka mencatatkan pertumbuhan perniagaan baru yang lebih rendah dalam tahun 1996 disebabkan terutamanya oleh penyelarasan dalam industri tersebut akibat pelaksanaan Garis Panduan Kos Kendalian Perniagaan Insurans Nyawa oleh BNM. Premium tahunan sektor insurans nyawa meningkat sebanyak 20.1% kepada RM4,771.9 juta pada akhir bulan Jun 1996 (Januari-Jun 1995: 23.8%). Jumlah premium yang diurusniagakan dalam sektor insurans am pula meningkat sebanyak 18.2% dalam tempoh tersebut kepada RM2,554.3 juta, berbanding dengan 14.0% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Jumlah aset industri sektor insurans am meningkat sebanyak 12.2% kepada RM8,569.1 juta dalam tempoh tersebut (akhir tahun 1995: RM7,634.8 juta).

Takaful ataupun insurans berasaskan prinsip Islam dikendalikan oleh dua buah syarikat, iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan MNI Takaful Sendirian Berhad (MNIT). Dengan kewujudan dua buah syarikat pengendali takaful dalam pasaran, perniagaan ini telah berkembang pesat dalam tahun 1996 dengan petunjuk-petunjuk prestasi utama mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.12. Jumlah aset kedua-dua buah syarikat pengendali takaful meningkat sebanyak 68.8% kepada RM364.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 1996, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 43.5% dalam tahun kewangan yang lepas. Aset dana perniagaan takaful am mewakili 30.4% daripada jumlah aset, manakala aset dana perniagaan takaful keluarga merangkumi 44.8%. Bakinya sebanyak 24.8% meliputi aset dana pemegang saham. Pelaburan dalam Sijil Pelaburan Malaysia mewakili 22.2% daripada jumlah aset, manakala 13.5% dilaburkan dalam akaun pelaburan di BIMB. Dalam tempoh tahun kewangan yang dikaji, sejumlah 41,170 (1995: 30,952) sijil-sijil baru telah dikeluarkan di bawah perniagaan takaful keluarga dengan nilai RM1,920.2 juta (1995: RM1,433.6 juta). Jumlah sumbangan pula bernilai RM66.7 juta, berbanding dengan RM26.1 juta dalam tahun 1995. Jumlah sumbangan kasar di bawah perniagaan takaful am terus meningkat, walaupun pada kadar yang sederhana, sebanyak 16.3% kepada RM67.9 juta dalam tahun 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 51.7% dalam tahun 1995. Walau

bagaimanapun, jumlah tuntutan pembayaran bersih merosot sebanyak 43.8% kepada RM15.4 juta dalam tahun 1996 daripada RM27.4 juta dalam tahun 1995.

Selaras dengan pembangunan industri insurans negara, terdapat peningkatan bilangan syarikat insurans dan agen insurans berkaitan yang beroperasi di seluruh negara. Pada akhir bulan Jun 1996, terdapat 65 buah syarikat insurans yang beroperasi di Malaysia dengan lima buah syarikat insurans nyawa, 13 buah syarikat insurans komposit, 40 buah syarikat insurans am dan tujuh buah syarikat insurans semula. Daripada jumlah ini, 51 buah syarikat ditubuhkan dalam negeri, manakala 14 buah yang selebihnya adalah syarikat asing. Terdapat 38 buah syarikat broker insurans berlesen dan 43 buah syarikat penilai kerosakan berlesen yang beroperasi di seluruh negara pada akhir bulan Jun 1996.

Pasaran Modal

Pasaran modal terus menjadi saluran penggerak utama tabungan bagi tujuan pembiayaan pembentukan modal untuk pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam tahun 1996. Disokong oleh keperluan pembiayaan tambahan sektor korporat dan pengenalan produk-produk baru dan inovatif serta komitmen Kerajaan dalam menggalakkan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan serantau, aktiviti pasaran modal Malaysia terus berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. Jumlah dana yang diperolehi dari pasaran modal melalui kedua-dua sektor awam dan swasta meningkat dengan ketara sebanyak 64.2% kepada RM20,434 juta berbanding dengan RM12,445 juta yang digerakkan dalam tempoh yang sama tahun 1995, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.13. Sektor swasta merangkumi 104.1% daripada jumlah dana bersih yang diperolehi dari pasaran modal dalam tempoh tersebut. Dana kasar yang diperolehi melalui sektor swasta mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 45.7% untuk mencapai RM23,408 juta (RM16,070 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995). Setelah diselaraskan dengan penebusan, dana bersih yang diperolehi dalam tempoh tersebut meningkat kepada RM21,263 juta (62.7% lebih tinggi daripada dana bersih sebanyak RM13,071 juta yang diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1995). Pada masa yang sama, sektor awam mencatatkan penebusan bersih yang lebih tinggi sebanyak

Jadual 9.13

Dana yang Diperolehi dari Pasaran Modal

	1995 Januari-Ogos RM juta	1996 ^a Januari-Ogos RM juta
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan ¹ , kasar	0	2,000
Tolak: Penebusan	850	1,909
Bersamaan: Terbitan bersih	-850	91
Tolak: Pegangan Kerajaan	0	0
Bersamaan: Terimaan Bersih Persekutuan	-850	91
Bon Simpanan Malaysia, bersih	-26	-20
Sijil Pelaburan, bersih	250	-900
Dana bersih yang diperolehi	-626	-829
Oleh Sektor Swasta		
Pasaran Ekuiti		
Saham ²	8,165	11,198
Terbitan Awam	3,598	1,692
Terbitan Hak	3,316	4,435
Terbitan Khas ³	483	1,878
Tawaran Persendirian ⁴	645	3,193
Waran	123	0
Sekuriti Hutang ⁵ (kasar)		
Bon Konvensional	4,825	5,797
Bon boleh tukar	708	698
Nota berasaskan prinsip Islam	800	2,350
Bon Cagamas	1,572	3,365
Tolak: Penebusan	2,999	2,145
Terbitan bersih sekuriti hutang	4,906	10,065
Dana bersih yang diperolehi	13,071	21,263
JUMLAH	12,445	20,434

^a Data awalan.

¹ Merujuk kepada sekuriti Kerajaan Persekutuan, tidak termasuk bil Perbendaharaan.

² Merujuk kepada sekuriti korporat yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

³ Termasuk terbitan khas kepada pelabur Bumiputera dan pelabur terpilih.

⁴ Termasuk tawaran jualan.

⁵ Merujuk kepada sekuriti yang mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun.

Sumber: BNM

RM829 juta dalam tempoh kajian berbanding dengan penebusan bersih sebanyak RM626 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, Kerajaan telah mengapungkan satu terbitan MGS bernilai RM2,000 juta (tiada terbitan baru MGS dalam tempoh yang sama tahun 1995). Terbitan MGS dalam tempoh ini mencerminkan keperluan untuk mengekalkan kertas-kertas yang secukupnya dalam pasaran untuk dijadikan tanda aras pulangan bagi pasaran bon dan bukan sebagai keperluan pinjaman memandangkan kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan masih kukuh. Sejumlah RM1,909 juta MGS dan RM20 juta Bon Simpanan Malaysia telah ditebus oleh pemegang dalam tempoh tersebut. Walaupun tiada Terbitan Pelaburan Kerajaan baru dalam tempoh tersebut, sejumlah RM900 juta telahpun ditebus.

Peningkatan sebanyak 62.7% dana bersih yang diperolehi melalui **sektor swasta** dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 adalah terutamanya menerusi terbitan sekuriti hutang swasta (PDS). Jumlah dana kasar yang diperolehi daripada pasaran PDS meningkat dengan ketara sebanyak 54.5% kepada RM12,210 juta, berbanding dengan RM7,905 juta yang diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sebahagian besarnya diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang menyertai projek infrastruktur yang besar dan entiti yang telah diswastakan. Dana ini telah diperolehi melalui 78 terbitan bon konvensional (RM5,797 juta), 19 terbitan bon boleh tukar (RM698 juta) dan dua terbitan nota berasaskan prinsip Islam (RM2,350 juta). Setelah diselaraskan dengan penebusan sebanyak RM2,145 juta, dana bersih yang digerakkan menerusi sekuriti hutang adalah sebanyak RM10,065 juta dalam tempoh tersebut. Ia mewakili peningkatan ketara sebanyak 105.2% dana bersih yang diperolehi dalam pasaran PDS jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 1995 (RM4,906 juta) dan merangkumi 47.3% daripada jumlah dana bersih yang diperolehi dalam pasaran modal melalui sektor swasta (Januari-Ogos 1995: 37.5%). Ini menggambarkan peningkatan kepentingan pasaran PDS dalam membiayai aktiviti sektor swasta.

Begitu juga dengan jumlah dana kasar yang diperolehi melalui sektor swasta menerusi pasaran ekuiti yang meningkat dengan ketara sebanyak 37.1% kepada RM11,198 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 (Januari-Ogos 1995:

RM8,165 juta). Daripada ini, sejumlah RM1,692 juta telah diperolehi daripada 71 terbitan awam, RM4,435 juta daripada 31 terbitan hak, RM1,878 juta daripada 14 terbitan khas dan RM3,193 juta daripada tawaran persendirian. Dalam tempoh ini, tidak terdapat waran baru yang diterbitkan (Januari-Ogos 1995: RM123 juta).

Perbadanan gadaijanji negara, iaitu **Cagamas Berhad**, aktif dalam pasaran modal dengan menggembelng sebanyak RM6,470 juta daripada 20 terbitan nota Cagamas dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 (Januari-Ogos 1995: RM3,332 juta daripada 9 terbitan nota Cagamas). Nota-nota ini dengan tempoh matang antara tiga hingga sembilan bulan terutamanya diterbitkan bagi memenuhi keperluan pembiayaan jangka pendek. Sementara itu, Cagamas Berhad membeli sejumlah RM4,282 juta pinjaman perumahan dalam tempoh tersebut, berbanding dengan RM2,970 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Daripada ini, 99.3% atau RM4,252 juta dibeli daripada institusi kewangan, manakala 0.7% atau RM30 juta daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, **Rating Agency Malaysia Berhad (RAM)** telah menyiapkan penarafan 58 hutang korporat bagi PDS jangka panjang dan pendek bernilai RM9.5 bilion (Januari-Ogos 1995: 57 terbitan bernilai RM8.8 bilion). Ini membawa jumlah keseluruhan penarafan terbitan RAM kepada 326 penarafan korporat bernilai RM47.8 bilion semenjak penubuhannya dalam tahun 1990, mencerminkan daya tarikan PDS sebagai satu cara pembiayaan pelaburan yang kian meningkat dan pertumbuhan aktiviti pembiayaan sektor swasta yang berterusan. Terdapat 33 terbitan yang dijamin oleh bank bernilai RM4.0 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan 36 terbitan bernilai RM4.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sehingga kini, RAM telah menyiapkan 34 penarafan institusi kewangan merangkumi 19 buah bank perdagangan, 10 buah bank saudagar, tiga buah syarikat kewangan dan dua buah IPP yang merupakan penjamin kepada pelbagai terbitan PDS. Selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi pasaran modal serantau, agensi penarafan kedua, iaitu Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC), telah dilancarkan oleh Menteri Kewangan pada 5 September 1996. Di samping menyediakan

penarafan bon, MARC juga akan menyediakan penarafan kekuatan kewangan, perkhidmatan penyelidikan serta maklumat penarafan dan penerbitan berkaitan untuk syarikat-syarikat yang mengeluarkan terbitan PDS dan pelabur-pelabur.

Bursa Saham Kuala Lumpur

Sentimen pasaran modal Malaysia secara amnya lebih baik dalam tahun 1996 dengan pengukur pasaran, iaitu Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), kekal melebihi paras psikologi sebanyak 1,000 mata sepanjang lapan bulan pertama tahun ini. Perkembangan isu-isu makroekonomi dan antarabangsa terus mempengaruhi urusanniaga sepanjang tahun ini. Dari sudut tempatan, pasaran dipengaruhi oleh kebimbangan tentang perkembangan akaun semasa imbalan pembayaran, pergerakan kadar faedah dan inflasi, manakala dari sudut antarabangsa pula, ia berpusat kepada perkembangan di bursa-bursa utama luar negara, ketidakpastian pasaran mata wang dan lain-lain perkembangan politik yang tidak sihat. Minat dalam pasaran tidak hanya tertumpu kepada kaunter-kaunter yang sedia wujud sahaja tetapi juga kepada tawaran awam peringkat pertama yang terus menarik minat masyarakat pelabur. Oleh itu, jumlah dagangan urusanniaga telah berkembang pada kadar 89.0% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas dan KLCI mencecah paras 1,118.6 mata pada akhir bulan Ogos 1996.

Tahun 1996 bermula dengan pasaran saham berada dalam suasana yang memberangsangkan. KLCI telah melonjak daripada paras di bawah 1,000 mata kepada 1,055.4 mata dalam bulan Januari 1996 iaitu sebelum mencapai paras tertinggi 1,149.1 mata pada akhir tempoh suku pertama. Minat ke atas Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tertumpu kepada terbitan berkualiti dan saham situasi serta Papan Kedua. Sentimen pasaran juga dipengaruhi oleh aliran masuk dana asing berikutan pemotongan kadar faedah di AS dan negara-negara perindustrian utama yang lain. Walau bagaimanapun, pengumuman data pekerjaan AS yang menunjukkan kemungkinan pemotongan kadar faedah tidak berlaku serta ketegangan di antara China dan Taiwan telah menyebabkan KLCI jatuh kepada 1,083.0 mata pada 11 Mac 1996. Walau bagaimanapun, dalam


separuh kedua bulan Mac 1996 pula, sentimen BSKL pulih semula dan KLCI telah naik kepada 1,164.5 mata pada 26 Mac 1996. Sentimen yang lebih baik ini terutamanya disebabkan oleh pengumuman keuntungan korporat yang lebih baik dari sudut tempatan, manakala dari sudut antarabangsa pula disebabkan oleh kejatuhan kadar faedah AS dan ketegangan politik antara China dan Taiwan yang mula beransur pulih. Tambahan pula, minat di Papan Kedua terus kukuh dan Indeks Papan Kedua telah naik kepada paras tertingginya iaitu 515.7 mata pada 19 April 1996 (298.7 mata pada akhir tahun 1995). Di samping minat belian yang kukuh di Papan Utama, KLCI mencecah paras tertinggi pada 1,189.5 mata dalam tempoh separuh pertama pada 30 April 1996.

Pada separuh kedua tahun 1996 pula, penghakisan harga yang kadang-kala diiringi oleh aktiviti belian telah meningkatkan harga dalam pasaran. Kebimbangan pasaran dalam tempoh ini berpusat kepada spekulasi kadar faedah tempatan, penyelarasan SRR, prestasi bursa-bursa serantau yang kurang baik dan ketiadaan dana asing dalam BSKL.


Pada akhir bulan Ogos 1996, KLCI ditutup tinggi dengan ketara (12.4%) sebanyak 123.4 mata pada 1,118.6 mata berbanding dengan 995.2 mata pada akhir tahun 1995, manakala Indeks Emas meningkat 15.2% kepada 321.9 mata, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.14. Indeks Papan Kedua pula mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 79.8% kepada 537.1 mata pada akhir tempoh tersebut. Dari segi sektoral, peningkatan harga saham adalah paling tinggi bagi kaunter perlombongan (47.9%), diikuti oleh barangan pengguna (31.5%), barangan perusahaan (20.9%), kewangan (15.9%), perladangan (14.4%), pembinaan (12.6%), harta benda (12.3%) serta sektor perdagangan dan perkhidmatan (8.5%).

Nilai pasaran BSKL meningkat sebanyak 27.2% kepada RM719.5 bilion pada akhir bulan Ogos 1996 daripada RM565.6 bilion pada akhir tahun 1995. Jumlah dagangan yang diukur melalui jumlah pusing ganti urusanniaga meningkat dengan ketara sebanyak 89.1% kepada 45.3 bilion unit, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 60.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga dengan jumlah nilai yang meningkat sebanyak 128.5% kepada RM294.3 bilion (Januari-Ogos

Carta 9.3
Bursa Saham



1/ Indeks penutup bulanan
2/ Skel kanan



Jadual 9.14

**Bursa Saham Kuala Lumpur:
Petunjuk Utama**

	1995	1996 Ogos
Indeks Harga¹		
Komposit	995.17	1,118.57
Emas	279.47	321.86
Papan Kedua	298.66	537.08
Perusahaan	1,822.75	2,137.04
Kewangan	7,561.95	8,766.90
Harta benda	2,103.72	2,362.70
Perladangan	2,446.93	2,798.42
Perlombongan	386.49	571.63
Nisbah Harga Perolehan¹	24.48	26.77
Nilai pasaran¹ (RM bilion)	565.63	719.48
Bilangan Syarikat yang disenaraikan¹	529	583
Urusniaga²		
Jumlah (juta unit)	23,973	45,322
Nilai (RM juta)	128,793	294,261

¹ Pada akhir tempoh.

² Bagi tempoh Januari-Ogos sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur.

1995: RM128.8 bilion). Dengan ini, kecairan pasaran yang diukur melalui pusing ganti nilai kepada nilai pasaran meningkat dengan ketara kepada 40.9% pada akhir tempoh daripada 23.2% pada akhir bulan Ogos 1995.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, sebanyak 54 buah lagi syarikat baru melibatkan modal nominal sebanyak RM3.04 bilion telah disenaraikan di BSKL (Januari-Ogos 1995: 32 buah syarikat) dan dengan ini membawa jumlah keseluruhan syarikat yang disenaraikan kepada 583 buah pada akhir bulan Ogos 1996. Daripada ini, 394 buah syarikat telah disenaraikan di Papan Utama, manakala 189 buah syarikat di Papan Kedua.

Industri Pelaburan Berkumpulan di Malaysia

Pengenalan

Penggalakkan tabungan merupakan satu unsur penting di dalam agenda pembangunan sesebuah negara selaras dengan keperluan untuk menggerakkan sumber negara bagi membiayai pembangunan ekonomi dan mengekalkan pertumbuhan. Satu saluran utama bagi menggerakkan tabungan untuk tujuan pembiayaan pelaburan ini ialah pelaburan berkumpulan, yang telah dan akan terus digalakkan bukan hanya untuk menggerakkan dana tetapi juga sebagai satu strategi untuk memperluas dan memperdalamkan pasaran modal tempatan serta memperkukuh infrastruktur kewangan negara. Tabungan yang digerakkan bagi tujuan pelaburan berkumpulan di Malaysia dijalankan menerusi skim Kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta unit amanah swasta dan skim pengurusan pelanggan yang ditawarkan oleh pengurus-pengurus profesional.

Dana yang digerakkan melalui pelaburan berkumpulan telah berkembang pesat, terutamanya dalam tempoh lapan tahun kebelakangan ini selaras dengan pengembangan ekonomi, peningkatan pendapatan bolehguna dan tabungan isirumah serta pelbagai peluang yang membolehkan tabungan ini di salurkan di dalam pelaburan yang produktif. Walaupun KWSP dan unit amanah di bawah Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dijangka terus berkembang dan mengekalkan kedudukannya yang penting, dana yang diuruskan secara profesional oleh pihak swasta pula dijangka terus berkembang dengan pesat memandangkan galakan yang diberikan oleh Kerajaan bagi membangunkan industri pengurusan dana yang lebih rancak dan dinamik. Institusi yang terlibat di dalam pengurusan pelaburan berkumpulan bukan sahaja membantu menggerakkan tabungan bagi pembentukan modal, malah ia juga menyediakan peluang bagi sektor perkhidmatan untuk berperanan sebagai perangsang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta membina kepakaran dalam bidang pengurusan dana.

Tinjauan Industri Pelaburan Berkumpulan

Kerangka pelaburan berkumpulan di Malaysia sebahagian besarnya terdiri daripada dana kumpulan wang simpanan dan pencen, dana insurans nyawa dan am, unit amanah dan dana portfolio pelaburan yang diuruskan oleh bank saudagar dan syarikat-syarikat pengurusan aset. Sehingga tahun 1970an, dana institusi ini tertumpu dalam dana-dana kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans. Walau bagaimanapun, semenjak lima tahun kebelakangan ini telah muncul dana swasta yang diuruskan oleh bank saudagar, dana unit amanah dan syarikat-syarikat pengurusan aset kerana lebih ramai individu memilih untuk meningkatkan bahagian tabungan mereka yang semakin bertambah di dalam skim yang diuruskan oleh para profesional.

Pada akhir tahun 1995, jumlah dana pelaburan berkumpulan dianggarkan bernilai RM186 bilion (lihat Jadual 1). Sebahagian besar daripada dana-dana ini ialah dana kumpulan wang simpanan dan pencen dengan nilai aset sebanyak RM113 bilion iaitu kira-kira tiga perempat daripada dana pelaburan berkumpulan. Selebihnya sebanyak 23.7% diwakili oleh dana unit amanah, sama ada swasta ataupun yang disokong oleh Kerajaan, dengan ASN dan ASB menyumbangkan sebahagian besar daripada dana unit amanah ini (78.9%). Dana insurans menyumbang sebanyak 13.4%, manakala peratusan bagi dana yang diuruskan oleh bank saudagar dan syarikat-syarikat pengurusan pula masih kecil.

Walaupun bagaimanapun, dari segi pertumbuhan pula, unit amanah telah berkembang pesat dengan 26 buah syarikat (tidak termasuk ASN dan ASB) beroperasi di seluruh negara pada kadar pertumbuhan purata sebanyak 29.0% setahun dalam tempoh 1991-95. Prestasi unit amanah swasta pula lebih terserlah iaitu berkembang pada kadar 108% setahun, dengan 17 buah syarikat menguruskan RM5.6 bilion dalam tahun 1995. Pertumbuhan dana yang diuruskan oleh bank saudagar juga turut meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini dengan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 22.1% setahun dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, dana yang diuruskan oleh syarikat-syarikat pengurusan aset yang berlesen tidak begitu ketara, iaitu dianggarkan sebanyak RM1,740 juta pada akhir tahun 1995. Dana kumpulan wang simpanan dan pencen terus berkembang dengan kukuh pada kadar purata sebanyak 17% setahun dalam tempoh

Jadual 1
Pelaburan Berkumpulan

	1991		1992		1993		1994		1995	
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan
Dana Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen	58,911	68.7	70,222	69.3	83,663	63.9	97,204	61.9	113,379	61.0
yang mana KWSP)	(53,272)		(62,169)		(72,674)		(84,485)		(98,133)	
Dana Insurans Nyawa dan Am	11,432	13.3	13,605	13.4	16,309	12.5	20,905	13.3	24,831	13.4
Nilai Dana Potfolio Pelaburan yang diuruskan oleh Bank Saudagar	1,742	2.0	1,802	1.8	2,868	2.2	3,323	2.1	3,600	1.9
Unit Amanah	13,700	16.0	15,721	15.5	28,134	21.8	35,716	22.7	44,134	23.7
(yang mana ASN dan ASB)	(12,357)		(14,971)		(25,512)		(29,170)		(34,842)	
JUMLAH	85,785		101,350		130,974		157,148		185,944	

Sumber: BNM, Suruhanjaya Sekuriti, ASN, ASB dan KWSP

tersebut, dengan KWSP menyumbangkan sebahagian besar daripada dana yang digerakkan ini. Sementara itu, industri insurans pula mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 21.9% setahun dalam tempoh yang sama.

Sekiranya dihitung secara berkumpulan, kumpulan wang simpanan pekerja dan pencen melabur sebahagian besar daripada dananya di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS). Walau bagaimanapun, bahagian pelaburan di dalam sekuriti Kerajaan telah berkurangan daripada 66.8% dalam tahun 1991 kepada 36.5% atau RM41.4 bilion dalam tahun 1995, disebabkan terutamanya oleh kurangnya kepentingan sekuriti Kerajaan di dalam portfolio pelaburan KWSP dengan merosotnya terbitan baru sekuriti Kerajaan. Ini disebabkan kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih baik serta keputusannya meliberalisasi pelaburan KWSP. Dengan menggerakkan

tabungan menerusi sekuriti Kerajaan ini, dana kumpulan wang dan pencen telah memainkan peranan utama dalam menyediakan sumber pembiayaan bukan-inflasi bagi pembangunan negara. Berikutan pelaksanaan penswastaan yang berterusan dan kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan yang mencatatkan lebih semenjak 1993, peranan ini telah berkurangan dan mula beralih kepada pembiayaan pembangunan secara langsung. Ini dapat diperhatikan dengan bertambahnya pelaburan dalam beberapa projek pembangunan dan penglibatan dana-dana ini dalam sekuriti korporat oleh dana-dana ini. Penglibatan dalam pasaran ekuiti telah meningkat daripada 6% dari jumlah pelaburan dalam tahun 1991 kepada 20.3% dalam tahun 1995. Penyaluran dana-dana ke dalam pelaburan yang berpotensi untuk memberi pulangan yang lebih tinggi dijangka berterusan selaras dengan berkembangnya instrumen pasaran modal yang lebih luas serta canggih.

Jadual 2

**Dana Kumpulan Wang Simpanan dan
Pencen
(RM juta)**

	1991	1992	1993	1994	1995
KWSP	53,272	62,169	72,674	84,485	98,133
PERKESO	2,344	2,740	3,281	3,866	4,469
TAT	2,282	2,614	2,779	3,099	3,528
KWAP	—	1,637	3,694	4,437	5,916
KWSG	206	203	207	206	191
KWSKEM	282	283	308	322	314
Lain-lain	525	576	720	789	828
TOTAL	58,911	70,222	83,663	97,204	113,379

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Tabung Angkatan Tentera (TAT), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru (KWSG) dan Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia (KWSKEM).

KWSP merupakan penyumbang utama dana kumpulan wang simpanan dan pencen iaitu 82% daripada dana yang digerakkan. Asetnya telah meningkat hampir dua kali ganda iaitu daripada kira-kira RM53 bilion pada akhir tahun 1991 kepada RM98 bilion pada akhir tahun 1995, dengan purata pertumbuhan sebanyak 16% setahun. KWSP yang telah ditubuhkan semenjak 1952 ini, mempunyai 7,756,261 pencarum. Walau bagaimanapun, sebanyak 68.5% daripada ahlinya mempunyai baki kredit yang kurang daripada RM10,000. Ia merupakan institusi pembiaya utama pembangunan negara dan peranannya telah mengalami perubahan yang ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam tempoh masa 25 tahun semenjak penubuhannya, KWSP memainkan peranan yang agak pasif dalam pembangunan negara iaitu dengan melabur 90% daripada dananya di dalam MGS. Bahagian yang dilaburkan di dalam MGS kini telah berkurangan kepada hampir 40% daripada caruman ahli-ahlinya, walaupun secara mutlak pelaburan dalam MGS adalah ketara iaitu sebanyak RM39 bilion pada akhir tahun 1995. Ini sebahagiannya mencerminkan liberalisasi peruntukan Akta KWSP, 1991 yang

membenarkannya menyalurkan sehingga 50% daripada dananya di dalam sekuriti bukan-Kerajaan.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, peranan KWSP lebih terjurus kepada pembiayaan langsung ataupun pembiayaan sebahagiannya dalam projek-projek pembangunan utama sektor swasta, terutamanya infrastruktur dan kemudahan awam. Ia juga telah melibatkan diri di dalam pembinaan rumah kos sederhana dan murah dalam tahun 1996 selaras dengan usaha Kerajaan bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan rumah dalam kategori ini dengan meningkatkan lagi penawaran rumah dan seterusnya menyediakannya pada harga yang berpatutan. Bahagian pelaburannya dalam sekuriti korporat juga telah meningkat daripada 5.2% dalam tahun 1991 kepada 16.0% dalam tahun 1995, manakala bahagian pelaburannya dalam instrumen pasaran wang pula merosot daripada 34.1% kepada 29.6% dalam tempoh yang sama. Peningkatan pelaburan dalam sekuriti korporat ini menggambarkan strategi KWSP untuk mengurangkan pergantungannya terhadap pendapatan berasaskan kadar faedah dengan melabur di pasaran sekunder dan membeli saham syarikat yang tidak disenaraikan tetapi berpotensi untuk memberi pulangan yang optimum.

Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) yang telah ditubuhkan dalam bulan Jun 1991 sebagai satu dana pembiayaan tersendiri bagi mengambilalih tanggungjawab Kerajaan di dalam menyediakan pembayaran pencen, gratuity dan faedah-faedah lain telah berkembang pesat selaras dengan peningkatan bil emolumen kakitangan awam, memandangkan 5% daripada emolumen ini disumbangkan kepada KWAP. Pendapatan juga diperolehi daripada caruman bulanan pekerja di bawah Akta Pencen Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, 1990 pada kadar 17.5% daripada gaji pegawai yang layak bersara. Kumpulan ini yang ditubuhkan dengan peruntukan permulaan sebanyak RM500 juta mempunyai jumlah sumber yang telah berkembang kepada RM5.9 bilion dalam tahun 1995. Sebahagian besar daripada sumber ini telah dilaburkan di dalam sekuriti korporat (55%) dan deposit berjangka (39%).

PERKESO yang telah ditubuhkan bagi menyediakan faedah kebajikan sosial kepada pekerja telah berkembang daripada RM2.3 bilion pada akhir tahun 1991 kepada RM4.5 bilion pada akhir tahun 1995 iaitu pada kadar pertumbuhan purata sebanyak 17.3% setahun. PERKESO

melabur sebahagian besar daripada sumbernya dalam MGS (38%), deposit simpanan dengan sistem perbankan (31%) dan melabur dalam sekuriti korporat (28%). Dalam kes **Tabung Angkatan Tentera (TAT)** pula, ia telah berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 11.1% daripada RM2.3 bilion kepada RM3.5 bilion dalam tempoh yang sama. Sebahagian besar daripada dana TAT dilaburkan dalam sekuriti korporat (76%), manakala dana yang selebihnya ditempatkan dalam deposit simpanan dengan sistem perbankan (19%) ataupun dilaburkan dalam aset tetap dan sekuriti Kerajaan dalam tahun 1995. Dana-dana lain kumpulan wang simpanan dan pencen termasuk **Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia (KWSKEM)**, **Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru (KWSG)** serta kumpulan wang simpanan dan pencen lain yang diuruskan oleh badan berkanun dan sektor swasta, termasuk dana **PETRONAS**, yang juga telah berkembang pada kadar purata tahunan 7.2% dalam tempoh tersebut. Lebih-kurang satu perempat daripada dana ini dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan, 38 - 45% dalam sekuriti korporat dan selebihnya dalam bentuk deposit simpanan dengan sistem perbankan serta pelaburan dalam aset tetap dalam tahun 1995.

Walau bagaimanapun, bagi **industri insurans nyawa dan am** pula, wang tunai dan deposit masih lagi merangkumi sebahagian besar daripada portfolio pelaburannya iaitu mewakili 25.5% daripada jumlah aset pada akhir tahun 1995, manakala pelaburan dalam sekuriti Kerajaan kekal sebanyak 25%. Sekuriti korporat merupakan jenis aset ketiga terpenting dalam tahun 1995 dengan bahagian sebesar 22.1% , manakala bakinya dilaburkan dalam pinjaman, hartanah dan aset-aset lain. Nilai dana yang digerakkan oleh industri insurans nyawa dan am meningkat daripada RM2.8 bilion pada akhir tahun 1991 kepada RM6.2 bilion pada akhir tahun 1995.

Industri unit amanah menguruskan dana sebanyak RM44 bilion pada akhir tahun 1995. Dana utama industri ini adalah ASN dan ASB (78.9% daripada dana unit amanah), unit amanah swasta (12.8%) dan lain-lain unit amanah yang disokong oleh Kerajaan (8.3%). ASN dan ASB melaburkan 85.2% daripada dananya dalam ekuiti dan selebihnya dalam instrumen pasaran wang dalam tahun 1995. Dalam bulan Ogos 1996, Amanah Saham Wawasan 2020 telahpun dilancarkan. Dana ini yang diuruskan oleh Pengurusan Amanah Saham Nasional Berhad ditawarkan kepada warganegara Malaysia yang berumur di antara 12 hingga 29 tahun. Satu lagi

perkembangan terbaru adalah penubuhan dana unit amanah berdasarkan prinsip Islam. Pada akhir tahun 1995, enam dana Islam termasuk Amanah Saham Darul Iman, Amanah Saham Kedah dan Amanah Saham Bank Islam Tabung Pertama telah dilancarkan dengan nilai aset bersih berjumlah RM833,910. Sebuah lagi skim pelaburan berkumpulan yang diwujudkan khas bagi masyarakat Islam adalah Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang mengumpulkan tabungan daripada masyarakat Islam untuk membantu mereka menunaikan fardhu haji. Pada akhir tahun 1995, jumlah sumber Lembaga ini bernilai RM3.4 bilion. Daripada jumlah ini, lebih-kurang 44% dilaburkan dalam sekuriti korporat dan selebihnya dilaburkan sebagai deposit simpanan dengan sistem perbankan.

Perkembangan stabil pelaburan berkumpulan adalah bertepatan bagi Malaysia memandangkan ia dapat menggerakkan sumber pembiayaan pertumbuhan di samping memberi pilihan kepada pelabur-pelabur untuk melabur di dalam dana yang diuruskan oleh para profesional dan mempelbagaikan dana portfolio pelaburan mereka yang boleh memberi pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan pulangan daripada deposit sistem perbankan. Tambahan pula, pembiayaan swasta dalam projek-projek penswastaan infrastruktur menerusi dana pelaburan berkumpulan menggalakkan pasaran modal yang lebih cair dan canggih serta membolehkan individu menyertai dan mendapat faedah secara langsung daripada projek-projek ini, di samping mempertingkatkan sumbangan industri ini dalam membangunkan sektor perkhidmatan kewangan. Pertumbuhan pelaburan berkumpulan ini juga telah menyediakan asas yang lebih luas bagi negara untuk menggalakkannya menjadi sebuah pasaran modal serantau yang dapat memajukan lagi dana tempatan dan dana-dana di rantau ini. Justeru itu, Kerajaan telah menggalakkan pembangunan kumpulan wang simpanan swasta di samping membenarkan KWSP mempelbagaikan pelaburannya. Selain daripada mewujudkan suasana sokongan kepada aktiviti-aktiviti pengurusan dana, Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah menyusun semula rangka kerja peraturan dengan tujuan untuk menggalakkan pembentukan sebuah industri yang lebih mantap.

Prospek dan Cabaran

Industri pelaburan berkumpulan akan terus memainkan peranan utama dalam menggerakkan tabungan bagi pembiayaan pembentukan modal.

Aktiviti-aktiviti pelaburan berkumpulan ini akan terus menerima galakan daripada Kerajaan memandangkan ia menggalakkan tabungan negara dan mengurangkan jurang sumber negara di samping membantu Malaysia menjadi sebuah pusat pengurusan dana di rantau ini. Berhubung dengan perkara ini, Dasar Pengurusan Dana Kebangsaan telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi menangani pelbagai aspek yang berkaitan dengan pembangunan sebuah industri pengurusan dana yang lebih cekap. Ia termasuklah aspek berkaitan dengan pergerakan simpanan baru dan yang sedia wujud, penyaluran dana secara cekap ke dalam pasaran modal, peningkatan kemahiran, kebolehan dan profesionalisme pengurus-pengurus dana tempatan, penyediaan insentif dan rangka kerja peraturan yang lebih cekap dan berkesan.

Arah masa hadapan dan pertumbuhan industri pelaburan berkumpulan akan bergantung terutamanya kepada cara bagaimana industri ini menangani cabaran-cabaran yang dihadapinya sekarang. Manakala pertumbuhan dana insurans dan pencen serta unit amanah yang disokong oleh Kerajaan, khususnya ASN dan ASB dijangka terus mendominasi industri pelaburan kumpulan dalam tahun-tahun yang akan datang, perkembangan dana unit amanah swasta, bank saudagar dan syarikat-syarikat pengurusan aset akan dipengaruhi oleh kapasiti mereka dalam memberikan pulangan yang lebih kompetitif kepada pelabur-pelabur. Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan dalam menggalakkan industri ini. Di antaranya termasuklah pengurusan dana KWSP, di mana ia hanya dibenarkan melabur sehingga 15% daripada dananya di dalam pasaran ekuiti dan ahli-ahlinya yang mempunyai caruman melebihi RM50,000 dalam akaun persaraan mereka pula dibenarkan untuk mengeluarkan sehingga 20% daripada bakinya bagi tujuan pelaburan dalam dana-dana dan institusi pengurusan dana yang diluluskan. Langkah-langkah lain yang telah diperkenalkan bagi mempertingkatkan tabungan dan seterusnya pelaburan berkumpulan termasuklah pelancaran dana Amanah Saham Wawasan 2020; pemberian insentif kepada sektor korporat yang menubuhkan kumpulan wang simpanan mereka sendiri; membenarkan syarikat broker saham yang layak menjalankan operasi unit amanah dan syarikat-syarikat pengurusan dana asing pula dibenarkan beroperasi dan menggunakan dana institusi tempatan dengan syarat mereka menubuhkan syarikat usahasama dengan bahagian maksimum ekuiti asing sebanyak 70%. Dana tertutup, satu

lagi alat pelaburan berkumpulan yang baru, telah diperkenalkan untuk menggalakkan pembentukan dana runcit.

Dengan munculnya alat-alat pelaburan berkumpulan yang baru ini, terutamanya yang diuruskan oleh sektor swasta, Kerajaan perlu mengkaji semula peraturan bagi memastikan pelabur-pelabur skim ini dilindungi. Berhubung dengan perkara ini, Suruhanjaya Sekuriti telahpun mengeluarkan beberapa garis panduan ke atas unit amanah, amanah hartanah, dana tertutup dan syarikat-syarikat pengurusan dana asing. Badan penguatkuasa pula berfungsi bagi mewujudkan pasaran yang kukuh, menyemai tahap pendedahan dan akauntabiliti yang lebih tinggi serta menekankan prinsip ketekunan dan tanggungjawab secara profesional di samping menimbangkan aspek komersil.

Adalah diakui bahawa pertumbuhan industri pelaburan berkumpulan ini seharusnya dipadankan dengan pelaburan yang mencukupi dalam aspek latihan, sumber dan kepakaran di dalam industri, sekiranya tahap profesionalisme yang tinggi hendak dikekalkan. Pada masa ini, masih wujud lagi kekurangan kepakaran dalam industri ini berikutan kurangnya pengurus-pengurus dana yang mahir dan berpengalaman serta peluang latihan yang terhad. Usaha-usaha Kerajaan dalam meliberalisasikan pasaran modal dan menggalakkan industri pengurusan dana ini akan memberi peluang kepada pengurus-pengurus dana tempatan menimba pengalaman menerusi pengurusan dana yang lebih besar. Tambahan pula, kehadiran pengurus-pengurus dana asing juga akan turut membantu membangunkan kemahiran profesional, yang amat penting kepada pertumbuhan pelaburan berkumpulan yang berterusan.

Satu lagi cabaran penting yang dihadapi oleh Kerajaan dan industri adalah dalam mendidik pelabur awam. Kekurangan pengetahuan tentang peluang-peluang alternatif pelaburan dana-dana ini menjejaskan pertumbuhan berterusan aktiviti pengurusan dana. Walaupun Kerajaan mengakui akan keperluan untuk meningkatkan pengetahuan tentang industri ini, tugas untuk mendidik masyarakat pelabur ini dapat juga dikongsi bersama oleh peserta-peserta industri dan media massa. Pada masa ini, Pusat Pembangunan Industri Sekuriti di Suruhanjaya Sekuriti, menyelaras pembangunan pasaran modal menerusi penyelidikan dan latihan serta bertindak sebagai pusingan sumber maklumat. Walau

bagaimanapun, lebih banyak lagi pengetahuan dan ketelusan mengenai industri ini dan data-data perbandingan prestasi pengurus-pengurus dana serta kadar pulangan pelaburan yang mudah diperolehi akan membantu meningkatkan lagi keyakinan para pelabur, memperdalamkan pengetahuan dan memastikan persaingan di antara syarikat-syarikat pengurusan. Persaingan ini akan memastikan dana para pelabur disalurkan semula kepada pengurus-pengurus yang dapat memberi pulangan yang lebih baik lagi kepada pelabur dan dengan ini bukan sebagai menggalakkan profesionalisme dalam industri ini tetapi juga menentukan para pelabur mendapat pulangan yang terbaik.

Dengan usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam membangunkan lagi pasaran modal, termasuk aspek pelbagaian dan perluasan industri pelaburan berkumpulan, khasnya aktiviti pengurusan dana, masa depan industri ini adalah

cerah. Pembangunan industri yang berterusan ini akan membolehkan dana-dana diuruskan secara lebih profesional, menggerakkan lebih sumber bagi membiayai pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan beban Kerajaan dalam menyediakan faedah-faedah sosial dan persaraan. Peningkatan industri ini juga akan turut membolehkan negara membina kepakaran tempatan dan menarik dana asing. Pada masa yang sama, pasaran tempatan akan menjadi lebih cekap, cair dan canggih dari segi alat-alat pelaburan, dengan adanya pelbagai pilihan produk yang lebih luas, merangkumi polisi nyawa, pencen peribadi, rancangan persaraan dan lain-lain yang berkaitan. Penekanan kepada pelaburan berkumpulan dan aktiviti pengurusan dana juga tepat pada masanya sesuai dengan proses liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan yang dijangkakan berikutan komitmen negara di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan.

Beberapa langkah pengawalan dan perundangan telah diperkenalkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 selaras dengan usaha-usaha bagi memperdalam dan memperluaskan aktiviti pasaran modal. Ini termasuk:

(i) Penyenaraian Syarikat Projek Infrastruktur (IPC)

Bagi menggalakkan lagi penyertaan pasaran modal dalam membantu memenuhi keperluan pembiayaan projek-projek infrastruktur yang besar, syarikat Malaysia atau syarikat usahasama infrastruktur dengan konsesi atau lesen minimum selama 18 tahun, berkuatkuasa mulai 19 September 1995, layak disenaraikan di BSKL tanpa perlu memenuhi syarat penyenaraian biasa mengenai rekod perniagaan. Powertek Bhd. merupakan syarikat pertama yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan disenaraikan di BSKL di bawah garis panduan penyenaraian IPC ini.

(ii) Peraturan Peminjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti dan Peraturan Jualan Singkat

Bagi memperbaiki keberkesanan penyelesaian pasaran sekuriti dan memudahkan pasaran kewangan derivatif berkembang, garis panduan telah dikeluarkan oleh SC ke atas Peminjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti. Selaras dengan ini, BSKL telah memperkenalkan Peraturan 22 bagi jualan singkat yang telahpun diluluskan oleh SC dan akan dilaksanakan menerusi peraturan BSKL, berkuatkuasa mulai 30 September 1996.

(iii) Kod Sistem Pesanan Pelanggan Secara Elektronik

BSKL telah mengeluarkan Kod Sistem Pesanan Pelanggan bagi ahli-ahlinya dalam bulan November 1995. Ahli-ahlinya yang ingin menawarkan kemudahan pesanan pelanggan secara elektronik kepada awam perlu mendapatkan kelulusan daripadanya. Kod ini bertujuan

melindungi kepentingan semua pihak dengan matlamat untuk memastikan syarikat-syarikat broker saham memahami sepenuhnya dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelum sistem ini diperkenalkan.

(iv) Penyenaraian Dana Tertutup

Garis panduan bagi penyenaraian Dana Tertutup, iaitu sebuah lagi alat pelaburan berkumpulan yang diwujudkan bagi menyokong industri unit amanah, telah dikeluarkan oleh SC dalam bulan Oktober 1995. Penyenaraian syarikat-syarikat pelaburan bertujuan meningkatkan lagi penyertaan pelabur dalam bursa tempatan melalui alat-alat pelaburan berkumpulan.

(v) Pindaan Kepada Keperluan Penyenaraian

Dalam usaha memperbaiki ketelusan pasaran dan rangka kerja peraturan, pindaan-pindaan kepada Keperluan Penyenaraian BSKL telah dibuat seperti berikut:

- (a) Pemegang saham terbesar syarikat yang ingin disenaraikan (berasaskan secara pilihan) boleh memilih sama ada untuk mematuhi syarat-syarat moratorium saham mereka ataupun mengeluarkan jaminan keuntungan; dan
- (b) Berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996, keperluan modal berbayar telah dikaji semula seperti berikut:
 - (i) Syarikat-syarikat dalam Papan Utama—minimum RM40 juta (RM20 juta sebelumnya); dan
 - (ii) Syarikat-syarikat dalam Papan Kedua—minimum RM10 juta tetapi kurang daripada RM40 juta (RM5 juta tetapi kurang daripada RM20 juta sebelumnya).

(vi) Peralihan Daripada Peraturan Berasaskan Merit Kepada Peraturan Berasaskan Keterbukaan Untuk Penawaran Awam Peringkat Pertama (IPOs)

SC telah mengumumkan niatnya untuk beralih daripada sistem peraturan berasaskan merit kepada sistem berasaskan keterbukaan menerusi tiga fasa pendekatan bagi tempoh selama lima tahun. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan pasaran yang lebih kompetitif dan telus serta bagi memupuk standard keterbukaan yang lebih tinggi, keperhatian, perjalanan korporat dan akauntabiliti syarikat-syarikat. Langkah-langkah ini juga akan membolehkan pelabur-pelabur Malaysia mengambil pendirian yang lebih profesional dalam membuat keputusan pelaburan mereka. Di samping itu, ia juga akan memastikan institusi perantara kewangan seperti bank saudagar dan penaja jamin memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memastikan perjalanan urusan yang adil dalam pasaran. Fasa pertama ke arah mewujudkan peraturan berasaskan keterbukaan ini bermula dalam bulan Januari 1996 dengan fleksibiliti diberikan oleh SC kepada syarikat terbitan dan penaja jamin untuk menentukan harga IPO mereka sendiri berbanding dengan campurtangan SC pada masa lampau.

Sistem Depositori Pusat (CDS) memasuki operasi bagi tahun keempat dalam tahun 1996. Pada akhir bulan Ogos 1996, sejumlah 531 syarikat melibatkan 42.3 bilion unit saham telah dimasukkan ke dalam CDS. Dalam tempoh ini, sejumlah 339,218 akaun CDS baru telah dibuka dan menjadikan bilangan keseluruhan akaun CDS pada akhir bulan Ogos 1996 kepada 1,410,100. Bilangan peserta dalam CDS meningkat kepada 92 pada akhir bulan Ogos 1996, iaitu meliputi 61 Agen Depositori Diberikuasa dan 31 Ahli Langsung Diberikuasa.

Satu lagi perkembangan utama dalam pasaran modal Malaysia dalam tempoh kajian ialah permulaan operasi Bursa Kewangan Malaysia (MME) dan pelancaran kontrak hadapan Kadar Tawaran Antara Bank (KLIBOR) bagi tempoh

matang 3-bulan pada 28 Mei 1996. MME juga merancang untuk memperkenalkan instrumen kewangan yang kedua, iaitu bon hadapan, yang diasaskan kepada kertas mudah tunai bebas risiko menjelang suku pertama tahun 1997. Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) yang memulakan operasinya pada 15 Disember 1995 menyediakan saluran untuk pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa bagi menguruskan pendedahan risiko mereka dengan cara yang lebih cekap dan pada kos yang berpatutan. Produk-produk inovatif yang ditawarkan oleh kedua-dua MME dan KLOFFE menggambarkan peningkatan kematangan pasaran kewangan dan keperluan untuk mekanisme perlindungan bagi memperdalamkan lagi pasaran modal.

Sebagai langkah selanjutnya bagi membangunkan pasaran modal dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan serantau, Menteri Kewangan telah mengumumkan kelulusan penyenaraian syarikat-syarikat asing pada 8 Ogos 1996. Dalam fasa pertama, syarikat-syarikat asing dengan aset atau operasi yang besar dan dimiliki atau dikawal oleh rakyat Malaysia akan dibenarkan untuk disenaraikan dalam Papan Utama. Tambahan pula, penyenaraian syarikat-syarikat ini mestilah melalui penyenaraian utama atau syarikat-syarikat ini telahpun disenaraikan di tempat lain tetapi bercadang untuk memindahkan penyenaraian utama mereka ke BSKL. Saham-saham mereka akan disenaraikan dan diurusniagakan dalam ringgit. Selaras dengan rancangan untuk meliberalisasi pasaran modal secara beransur-ansur, skop syarikat-syarikat asing yang layak disenaraikan di BSKL akan diperluaskan lagi pada satu tempoh yang bersesuaian, iaitu di samping syarikat-syarikat yang dibenarkan dalam fasa pertama ini.

Bagi menggalakkan penyenaraian lebih banyak lagi syarikat di bawah kawalan Bumiputera di BSKL, SC pada 27 Ogos 1996 telah membenarkan fleksibiliti dalam keperluan penyenaraian bagi permohonan berasaskan akaun proforma syarikat-syarikat di bawah kawalan Bumiputera yang telah bersatu bagi tujuan penyenaraian di BSKL. Dengan fleksibiliti ini, sekumpulan syarikat di bawah kawalan Bumiputera yang memohon untuk disenaraikan berdasarkan kekuatan akaun proforma kumpulan tersebut hanya diperlukan untuk mematuhi kriteria keterlibatan dalam aktiviti perniagaan yang sama ataupun aktiviti penggenap. Mereka tidak diperlukan untuk mematuhi dua

kriteria yang lain iaitu mempunyai pengaruh dan kawalan pemegang saham yang sama. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat Bumiputera tersebut mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) kumpulan tersebut mestilah mempunyai peraturan penyatuan yang sah;
- (ii) syarikat yang merupakan penyumbang terbesar kepada keuntungan dalam kumpulan proforma tersebut seharusnya telah ditubuhkan dan beroperasi bagi tempoh sekurang-kurangnya lima tahun sebelum permohonan dibuat kepada SC;
- (iii) setiap syarikat yang disatukan mestilah mempunyai pemilikan ekuiti Bumiputera melebihi 50% dan mestilah berada di bawah pemegang saham Bumiputera dengan kawalan pegangan saham yang sama bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum permohonan dibuat kepada SC (ataupun sepanjang kewujudan syarikat tersebut, sekiranya ia ditubuhkan bagi tempoh kurang daripada tiga tahun); dan
- (iv) sebaik sahaja ia disenaraikan, syarikat yang digunakan sebagai saluran penyenaraian mestilah merupakan syarikat majoriti di bawah kawalan Bumiputera, di mana lebih daripada 50% daripada ekuitinya dimiliki oleh syarikat di bawah kawalan Bumiputera.

Walaupun bagaimanapun, keperluan penyenaraian kuantitatif dan kualitatif normal yang lain haruslah juga dipatuhi di samping fleksibiliti ini.

Industri unit amanah berkembang pesat dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 selaras dengan pelancaran sembilan lagi unit baru dana amanah dengan jumlah saiz dana yang diluluskan sebanyak 4.6 bilion unit (Januari-Ogos 1995: enam unit dana amanah, 2.4 bilion unit). Tambahan pula, kelulusan telah diberi kepada dana amanah yang sedia wujud [tidak termasuk Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB)] bagi meningkatkan saiz dana mereka kepada jumlah keseluruhan sebanyak 1.12 bilion unit daripada 1.03 bilion unit. Di antara dana-dana baru yang dilancarkan dalam tempoh ini adalah seperti Dana Bon Kuala Lumpur (KLMF Berhad), Dana Antarabangsa Mudharabah DCB-RHB (DCB-RHB Unit Trust Management Berhad),

Jadual 9.15

**BKKL: Jumlah urusniaga
(Januari-Ogos)**

<i>Kontrak Hadapan¹</i>	<i>Jumlah Dagangan</i>				
	<i>1995</i>		<i>1996</i>		<i>% perubahan</i>
	<i>Lot</i>	<i>Tan Metrik</i>	<i>Lot</i>	<i>Tan Metrik</i>	
Minyak kelapa sawit (CPO)	377,753	9,443,825	321,569	8,039,225	-14.9
Minyak kelapa sawit isi rogg mentah (CPKO)	—	—	—	—	—
Koko	—	—	—	—	—
Timah	—	—	—	—	—

¹ Setiap lot kontrak pasaran hadapan CPO mengandungi 25 tan metrik, kontrak pasaran hadapan CPKO mengandungi 15 tan metrik, koko mengandungi 10 tan metrik.

Dana Berimbang TA (TA Unit Trust Management Berhad) dan Dana Amanah Pendapatan Mayban (Mayban Management Berhad). Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 yang diuruskan oleh Pengurusan Amanah Saham Nasional Berhad telah dilancarkan pada 28 Ogos 1996 dengan matlamat utama bagi memupuk tabiat menabung dan memperbaiki taraf hidup generasi muda di masa hadapan. Kementerian Kewangan juga telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Galakan Tabungan pada 15 Ogos 1996 yang bertujuan untuk menggalakkan lagi tabungan negara.

Bursa Komoditi Kuala Lumpur

Di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL), hanya kontrak hadapan Minyak Kelapa Sawit Mentah (MKSM) terus kekal sebagai kontrak yang aktif. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, tiada urusniaga dijalankan untuk Minyak Isirong Kelapa Sawit (CPKO), Koko dan Timah, mencerminkan ketiadaan kecairan. Kontrak hadapan MKSM bagaimana pun kekal aktif diniagakan dalam tempoh tersebut.

Urusniaga hadapan minyak kelapa sawit dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 merosot sebanyak 14.9% dengan jumlah dagangan sebanyak 321,569 lot (setiap lot mengandungi 25 tan metrik) berbanding dengan 377,753 lot pada tempoh yang sama pada tahun 1995. Dari segi jumlah tan metrik yang didagangkan, ia bersamaan dengan 8.0 juta tan metrik minyak kelapa sawit mentah, lebih tinggi dari pengeluaran MKSM Malaysia bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. Dagangan purata harian juga dalam tempoh berkenaan jatuh kepada 2,022 lot atau 50,550 tan metrik dalam tahun 1996, berbanding dengan 2,311 lot atau 57,775 tan metrik yang dicapai pada tahun 1995.

Aktiviti urusniaga kontrak hadapan MKSM turun naik daripada bulan ke bulan. Pada bulan Januari, urusniaga bergerak aktif dengan sejumlah 60,222 lot diniagakan dan purata harian dagangan sebanyak 2,737 lot. Harga purata bagi spot bulan Januari ialah RM1,279 setiap tan metrik mencerminkan permintaan yang kukuh bagi minyak sawit yang diproses dari Pakistan, China, Eropah, Turki, Mesir dan Jepun. Harga purata pasaran fizikal bagi bulan Januari ialah RM1,245 bagi setiap

tan metrik. Dagangan bagi bulan Februari merosot sebanyak 28,511 lot kepada 31,746 lot disebabkan cuti umum yang lebih dalam bulan berkenaan. Harga purata bagi spot bulan Februari ialah RM1,211 setiap tan metrik manakala harga purata di pasaran tunai ialah RM1,221 setiap tan metrik. Berbanding bulan Februari, dagangan bagi bulan Mac dan April masing masing meningkat kepada 33,024 lot dan 39,188 lot. Dalam bulan Mei, walau bagaimanapun, jumlah dagangan merosot kepada 24,733 lot dengan harga purata tunai yang dicatatkan ialah RM1,281 setiap tan metrik dan bagi pasaran hadapan ialah RM1,276 setiap tan metrik. Bagi bulan Jun dan Julai, jumlah dagangan meningkat masing masing kepada 44,064 lot dan 53,826 lot. Harga purata bagi tunai dan pasaran hadapan ialah RM1,160 setiap tan metrik dan RM1,143 setiap tan metrik bagi bulan Jun manakala bagi bulan Julai, harga puratanya ialah RM1,066 setiap tan metrik untuk tunai dan RM1,031 setiap tan metrik bagi pasaran hadapan. Walau bagaimanapun, jumlah dagangan bagi bulan Ogos menurun kepada 34,801 tan metrik dengan purata harga untuk pasaran tunai ialah RM1,126 setiap tan metrik dan di pasaran hadapan harga puratanya ialah RM1,063 setiap tan metrik.

Berikutan harga MKSM yang lemah di pasaran fizikal, harga purata bulanan bagi MKSM hadapan di BKKL menurun kepada RM1,176 setiap tan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama tahun

1996 berbanding dengan RM1,507 setiap tan metrik dalam tempoh yang sama pada tahun 1995. Harga purata bulanan yang tertinggi dicatatkan ialah RM1,447 setiap tan metrik untuk bulan Januari dan yang terendah sekali ialah RM1,013 setiap tan metrik untuk bulan Ogos.

Dalam usaha untuk meningkatkan kecairan di pasaran hadapan MKSM, BKKL telah mengaturkan *Road Show* dalam negara dan juga di luar negara bagi menarik minat masyarakat untuk menjadi usahawan atau *local* di BKKL. Walau bagaimanapun, memandangkan hanya MKSM saja komoditi yang aktif diurusniagakan di BKKL, langkah-langkah sedang diambil untuk menyuntik minat yang lebih di komoditi pasaran hadapan. Ke arah ini, BKKL bercadang untuk melancarkan produk baru seperti kontrak hadapan lada hitam, kontrak hadapan minyak laurik dan kontrak hadapan kayu gergaji. Sehingga kini, seramai 55 usahawan telah mendaftar dengan BKKL. Untuk meningkatkan lagi dan mengembangkan pasaran wang, BKKL telah menubuhkan anak syarikat iaitu Bursa Kewangan Malaysia (BKM). Kontrak pertama BKM ialah tiga-bulan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR). Jumlah urusniaga yang tertinggi ialah pada 28 Mei 1996, di hari pembukaan, apabila sejumlah 1,134 lot telah diurusniagakan. Sehingga akhir bulan Ogos 1996, purata urusniaganya ialah 314 lot sehari.